

ANTITHESIS

BENZ ALI



DUBOOK
P R E S S



20.34 6.04.2012

Alhamdulillah. Sekarang aku dalam bas. Dalam perjalanan untuk pulang ke kampung halaman. Pengembaraan sepanjang hampir dua tahun ini akan ditamatkan malam ini. Segala detik suka luka akan diselesaikan malam ini.

Bermula di Kedah kemudian melaju ke Pengkalan Hulu, Perak kemudian kembali semula ke Kedah untuk membangunkan anak-anak kampung dengan tuisyen dan kedai jajan, selepasnya ke Singapura sebagai marhaen biasa yang mencari kerja, selepas itu ke Quantown mencari cinta yang tak kesampaian sebelum terhempas beberapa lama di sana setengah tahun -Quantown, Cherating dan Kemaman - bergerak ke Perak, kali ini ke Taiping untuk membangunkan diri yang telah lama hilang tenggelam dimamah luka cinta yang mendalam, kemudian turun ke Titi Hayun (pengakraban dengan Dinsman dan kawan-kawan bermula di sini dan di sinilah bermulanya Benz Ali). Bergerak semula ke Kuala Lumpur dan terpaksa menganggur beberapa

Benz Ali

lama sebelum mendapat kerja. Dari satu kerja ke satu kerja, dari satu kerja ke satu kerja dan dari satu kerja ke satu kerja yang lain.

Dan pada akhirnya, malam ini aku akan sampai ke rumah, dan menoktahkan segala-gala. Allah menakdirkan pengembaraan aku begitu luarbiasa. Bermula agak tragedik tetapi berakhir dengan sesuatu. Aku sudah menjadi guru sepenuh masa di sebuah sekolah menengah swasta. Dalam kembara yang sama, aku berkenalan dengan ratusan kenalan dan puluhan kawan yang pelbagai aneka rakam. Aku menjadi penyair revolusioner, membangkitkan jiwa yang terbungkam walaupun pernah dibengkelkan oleh MPR tetapi aku tak dapat banyak. Dinsman meminjamkan aku keberanian sebuah seni, manakala Tehrani memugar intelektual dalam berkarya. Dan naqibku, Abdul Rauf Baharuddin adalah pencerah pemikiranku. Terlibat di UPSI berdarah dengan puluhan rakan mahasiswa adalah sesuatu peristiwa yang tak pernah disangkakan sebelum ini. Ilmu aku selama ini cuma terperap dan cuma menjadi lelaki munafik semenjak beberapa lama. Jika tiada pengembaraan ini, aku tak fikir aku boleh seterbuka ini dan menghilangkan munafik dalam jiwa dan dalam dada. Bertemu kembali dengan beberapa komrad lama yang pernah dimusuhi

sewaktu di alam mahasiswa seperti lelaki-lelaki SMM, tetapi sangat tabik pada mereka kerana berani berkata benar dan tak takut pada mereka-mereka yang bersalah.

Di Kuala Lumpur, semenjak penghujung tahun lepas, Dinsman dan Pak Kassim telah memperkenalkan aku dengan sebuah kampung dari kampung-kampung melayu di kota lumpur itu, iaitu Kampung Banda Dalam. Ada seorang tokoh kemerdekaan, anak buah Bustaman yang masih bernafas iaitu Cikgu Ishak Surin yang sedang memimpin anak-anak kampungnya menentang iblis kapitalis. Aku agak bangga bila cikgu Ishak Surin, anak buah Bustaman itu meramahiku. Dan mengenal aku, termasuklah Soleh seorang dari pemuda berani Kampung Banda Dalam.

Berpuisi di Jalan Sultan, di pasar malam, di Kampung Banda Dalam sendiri adalah sesuatu yang tak pernah difikirkan langsung sebelum pengembaraan ini. Aku tak pernah menyangka aku boleh bersyair sedangkan aku lebih meminati sastera penceritaan seperti novel dan cerpen. Berdebat dengan lelaki-lelaki Attasian juga adalah suatu pengalaman yang tak boleh tahan. Dan sebetulnya, aku sangat mengagumi Wan Raushanfikir. Blognya pada satu masa dulu merupakan pencerah

Benz Ali

padaku sewaktu aku di alam kampus dan sering jadi rujukan berkali-kali ketika aku memperkatakan sesuatu.

Semasa bekerja di restoran cina muslim, berkenal juga dengan Eddy Gordo yang bekerja sebagai designer rebel yang cool. Banyak t-shirtnya yang aku beli menambahkan lagi persaudaraan revolusioner. Cita utuh beliau untuk membangunkan sarekat islam buat aku teruja. Dan aku fikir sesiapa yang mengharamkan Facebook adalah orang yang tak reti main Facebook. Walhal facebook ciptaan lelaki jew bernama Zuckerberg ini banyak membantu aku semasa aku gelandangan di bumi Lee Kuan Yew. Tolonglah main Farmville dan add Benz Ali sebagai rakan. Baru kau tahu betapa bergunanya Facebook.

Apakah lagi pengalaman yang belum aku catitkan di sini? Sekurang-kurangnya seni aku dibayar selepas Dinsman dan kawan-kawan membangkitkan jiwa terpendam. Cerpen aku dan deklamasi-deklamasi aku dibayar. Berbeza ketika aku terujakan MPR.

Bergulat penuh aksi dengan Syiah juga suatu pengalaman tak dapat dilupakan. Dan kini, aku pemuda Sunnah yang tegar, yang condong pada kebenaran, keadilan dan aktif melawan kemungkaran.

Terputus persahabatan dengan beberapa kawan terpaksa aku biarkan kerana bagiku, sahabat sebenar itu bersetia pada kebenaran dan keadilan. Jika dia sahabat sebenar kita, dia tak akan tinggalkan kita.


Entah kenapa dalam keseluruhan paragraf di atas aku tak sentuh langsung tentang politik. Atau parti. Aku peduli politik. Dan parti aku tak peduli. Politik pembebasan, melawan politik penindasan. Dan aku lebih nampak peduli politik adalah lebih Abu Dzar dari politik parti dan lebih buruh politik penindasan. Aku tak menyeru pada parti. Tapi aku menyeru massa peduli politik. Dan aku akan terus buat kerja ini jika diberi nyawa. Pergi jahanam dengan tokoh, dan hidup rakyat adalah slogan keramat. Dan bagiku kerja kita wajib memandaikan massa. Bukan menuhankan tokoh.

Dan ini antara kesimpulan-kesimpulan yang aku dapat simpulkan sepanjang perjalanan ini.

Benz Ali

Ini pandangan aku. Seorang yang bukan ustaz. Tapi bukan bodoh sampai sanggup biar agama kena jual oleh selebriti-selebiriti agama. Aku Muslim dan aku bukan Muslim jenis Katolik; yang dek kerna tak puas hati Islam ini tidak boleh dibisneskan, cari pandangan-pandangan lain yang boleh menghalalkan Islam ini untuk dibisneskan.

Pada akhirnya, Islam kau ini memihak pada rakyat terbanyak atau segelintir yang tamak?



Benz Ali

Soalan kawan:

Bro Benz Ali, nak tanya sikit, adakah berdosa menjadi imam di masjid atau surau secara tetap, selepas itu, ambil upah? Adakah ia juga menjual agama? Bagaimana pula jika itu sahaja kelebihan dan kemahiran ilmu yang mereka ada, mungkin orang sekeliling menganggap itu sebagai upah, adakah saguhati dibenarkan dalam amalan?

Aku jawab:

(Ini berdasarkan kefahaman saorang aku yang tidak berani menjual ayat-ayat Tuhan).

Nak jadi imam secara tetap, jadilah. Tak ada masalah. Orang nak bayar supaya kau concentrate mengajar, betullah tu. Tak ada masalah. Aku tak nampak apa masalah pun. Apa masalah jual agamanya dekat situ? Sebab aku tak nampak tok-tok imam jual agama pun.

Baik. Kita bagi situasi.

Kalau tak ada orang (khusus) untuk selenggara masjid, siapa yang nak handle masjid atau surau? Siapa yang nak handle kalau tak ada orang khusus untuk handle?

Jadi kenalah ada orang yang khusus untuk uruskan urusan masjid. Jadi, aku tak nampak persamaan

pun dengan gaya populariti yang digunakan cukong-cukong Islamis untuk melariskan produk “Islami” mereka. Salute untuk tok-tok imam!

Kenapa aku berkata tidak sama?

Kerana, problem ketara dalam kes Don Daniyal, mengapa perlu caj audien untuk solat dan solawat bersama kau? Ini tidak betul. Tok-tok imam di masjid, kita solat pi lah sampai dia tak mati pun, dia takkan kenakan caj pada kita. Sebab, pihak masjid yang beri upah pada dia. Beri saguhati.

Kedua. Ustaz-ustaz, yang mengajar agama ini, bila pergi mengajar di masjid-masjid, apakah mereka meminta upah pada hadirin seperti mana Don Daniyal dan Kuiscell buat, dengan mengadakan caj pada solat dan solawat bersama Don Daniyal? Tidak. Sesiapa sahaja boleh datang mendengar. Datang nak tidur pun boleh. Tak kena bayar. Free. Ini kita boleh kata free education. Kemudian ada orang derma dalam tabung. Siapa tak derma pun boleh masuk.

Ini sangat tidak sama dengan apa yang Don Daniyal dan Kuiscell lakukan.

Benz Ali

Aku bagi kes.

Aku tak ada duit. Tapi aku nak juga solat dengan Don Daniyal di Masjid Azim, Melaka. Sebab aku dengar dia ada buat tour di sana. Dan kebetulan rumah aku pun dekat dengan Masjid Azim tu. Baik, sekarang aku nak masuk tanpa bayar duit untuk Solat dan selawat dengan Don Daniyal. Adakah dibenarkan Kuiscell?

Kenapa kita nak solat dan selawat dengan imam kampung kita tak payah bayar, tetapi nak solat dengan Don Daniyal, kena bayar dan ada dewan yang lain pula? (khabarnya auditorium). Ini kasta. Islam menghancurkan kasta.

Jadi cuma yang bayar duit boleh dengar kau berselawat. Cuma yang bayar duit boleh solat dengan kau. Ini tidak betul.

SIRI REKONSTRUKSI PEMIKIRAN REVOLUSIONER DEMOKRAT

Tidak ada perubahan tercatat di mana-mana lembaran sejarah, bahawa perubahan regim di dunia ketiga, atau pemerintahan kaum diktator di masa lalu berubah - bertukar (peralihan kuasa) dengan aman damai, tenteram tiada kacak bilau.

Diyakini, regim status quo akan menggunakan apa saja organ yang dimilikinya (media, sekolah, universiti, rektor, naib canselor *bohong jika masih ada yang neutral!*

Benz Ali

jentera daulah berupa BTN, polis, askar *undi pos? BULLSHIT!!!* dan lain-lain) untuk mempertahankan, untuk mengabsahkan kuasa yang dimilikinya dari dijatuhkan tumbang terlepas ke tangan lawan (oposisi).

Di Malaysia, pra PRU-13, pimpinan pro rakyat asyik mengatakan (retorik ini berlanjut atau bermula semenjak retorik 16 September) kita akan sampai ke Putrajaya pada PRU-13 (ibu segala pilihanraya) malangnya, utopia ini tidak terlahir jua.

Adakah pimpinan pro rakyat ini menyangka bahawa SPR tidak akan bermain tipu dalam PRU-13 ini?

Bercakap tentang pengundi hantu dan tentang kecelakaan SPR, sampai kiamat pun tidak sudah. Kerana sudah tercatat di perenggan atas lagi, bahawa regim status quo tidak akan memberikan kemenangan mudah. Sekali-kali tidak!

Maka, apakah guna lagi berharap kepada sistem establishment yang digunapakai regim hari ini, yang sentiasa sahaja mengalahkan massa, yang sentiasa memenangkan regim?

Pengundi hantu akan ada juga sampai bila-bila. Selagi

sistem SPR tidak dibersihkan, selagi kita mengiktiraf (mengadakan kenduri kesyukuran itu, mengiktiraflah!) Sistem ini dan apakah kita menyangka-nyangka bahawa pada pilihanraya ke-14 akan datang, tiadalah lagi penipuan? Apakah kita bersangka baik bahawa pilihanraya ke-14 akan berlangsung tanpa permainan kotor regim?

Semenjak zaman Firaun Mahathir lagi, penipuan berlangsung dan terus berlangsung, sementara kita terus apologetik dengan jalan damai, (kritik keras harus ditalkan kepada komponen oposisi! Serta setiap MP yang keras mengutuk penipuan SPR, tetapi ironinya mahu tetap menjadi MP hasil sistem penipuan ini).

Saudari Nurshafira Noh dari Universiti Terbuka Anak Muda ada mengatakan, "Depa kena baca (dan mengerti) macam mana anak muda di Indonesia tumbangkan Soeharto."

Hari itu ditanya juga oleh kawan Indonesia, "Kenapa kerajaan yang curang, kok seakan diterima lagi?"

(Katanya ada Bangla menjadi pengundi, dakwat tidak kekal, Pengerusi SPR dan timbalannya itu ahli Umno, blackout, penyalahgunaan dana awam untuk

Benz Ali

berkempen dan sekian banyak isu lagi, kenapa kita bodoh sangat untuk tidak bertindak dan berharap seorang 'tokoh' untuk memimpin kita melawan setan-setan pemegang kekuasaan ini?)

Kita mendakwa terang dan jelas bersuluh bahawa SPR itu menipu kita, akan tetapi kita tetap juga membenarkan? Kegilaan apakah ini?

Sampai bila?

PERANGAI-PERANGAI 'AKTIVIS-AKTIVIS JALANAN' YANG SEMPAT AKU PERASAN

Sebab 'aktivis-aktivis jalanan' sangat hebat, orang tak hebat yang lain jadi segan. Orang-orang yang tak hebat, mana boleh berkawan dengan orang-orang yang hebat. Kalau ada pandangan berbeza, kita akan dipulaukan. Hahaha... 'Aktivis-aktivis jalanan' memang sangat hebat membuat faksi-faksi seperti ini. Dan sentiasa berbangga dengan muka yang sama.

Teruskan sahaja dengan perangai begini dan salahkan



Benz Ali

semua orang yang tak berminat nak datang. Perangai perasan cool, dan tak reti hormat idea berbeza, kritik idea dilawan dengan kritik peribadi, nak pukul orang, sila teruskan.

Moga-moga lebih ramai orang akan datang support korang dengan perangai mulia korang.

4

Aku suka sekali jika aktivis-aktivis sangat mengakrabkan diri dengan Tuhan.

Seringkali dibayangkan aktivis-aktivis ini seperti tidak bertuhan, tidak tahu agama dan sebagainya.

Agama sudah seperti menjadi tool (peralatan, hanya boleh dibicarakan) cuma untuk kaum agamawan sahaja.

Dan orang-orang yang bergiat cergas dengan aktivisme dianggap terpisah dari pengamalan agama.





Benz Ali

Eloklah kaum aktivis memperbaharukan atau mempertajamkan pengakraban diri dengan Tuhan masing-masing.

Bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan hampir tiba. Baik sekali jika istikomah melakukan amalan-amalan sunat. Puasa menahan diri misalnya.

Dengan mendekati diri dengan Tuhan dan giat aktif membantu yang tertindas di jalanan, berpotensi mempertajam solidariti pada yang tertindas dan seharusnya membuatkan kita lebih sensitif akan urusan kaum tertindas.



Aku orang miskin. Tak berduit. Jual buku pun, buku cetak rompak. Jual t-shirt pun selalu lambat siap.

Kalau dalam bab Sultan ini, nak tangkap aku, tangkaplah. Aku bukan ada duit pun nak bayar saman. Dan aku fikir takkan adalah orang nak berdemo untuk aku sebab aku suka non-komformis dengan orang lain. Tak ada sebab untuk orang support aku yang degil dan keras kepala ini.

Tapi aku akan pertahankan habis-habisan apa yang aku percaya.

Benz Ali

Semua orang akan mati. Aku pun akan mati. Tuan-tuan pun akan mati. Aku sebagai seorang Muslim percaya, kita semua akan dibangkitkan kembali. Kalau tuan-tuan ada alasan kukuh untuk membunuh aku dan sesiapa yang tidak suka pemerintahan keturunan ini, maka silalah teruskan. Di atas dunia, tidak mahu berdialog tetapi mahu membunuh pandangan berbeza, sila teruskan.

Aku percaya dunia ini milik Tuhan (ini Tauhid, memperjuangkannya jika mati, syahid), bukan milik Sultan dan anak-anak Sultan.

*Masanya sudah tiba untuk kita menuju Malaysia yang lebih baru.

ISU SYIAH

Aku bukan orang Syiah. Aku tak pernah pergi Iran. Dan aku suka makan sotong.

Tapi aku sangat hairan dengan perangai orang Melayu Islam Malaysia (Sunnah – Shafie).

Aku tidak faham mengapa kamu tidak boleh terima orang Syiah?

Benz Ali

Sedangkan kamu boleh terima orang Hindu, orang Buddha, orang Kristian, tetapi kamu sakit mata tengok orang Syiah sangat kenapa? Kafirkah jika menjadi Syiah? Sila kafirkan Syiah jika kamu sangat yakin Syiah kafir.

Tapi bukankah hak orang kafir itu ada dalam Islam? Kalau mereka kafir pun, kamu tak reti hormatkah 'orang – orang kafir' itu? Mengapa kamu sangat jahat sekali? Kamu kata kamu Islam, tetapi perangai kamu dalam menangani orang – orang yang tidak sekepercayaan dengan kamu, sangat jahat sekali.

Kes –

Jika di Iran, atau di Eropah, mengamalkan perangai Islam seperti Melayu Islam di Malaysia bagaimana?

Kalau Melayu Islam di Malaysia menindas orang Syiah di Malaysia, maka boleh tak jika orang Syiah di Iran menindas Muslim Sunnah di Iran? Boleh atau tidak?

Boleh atau tidak, Muslim Sunnah di Iran dilarang mengamalkan kepercayaan Sunnahnya, sepertimana Muslim Syiah di Malaysia, dilarang mengamalkan kepercayaan Syiahnya?

Hormatlah orang lain, jika kamu pun mahu orang hormat kamu.

Hormatlah kepercayaan orang lain, jika kamu pun mahu orang hormat kepercayaan kamu.

Layanilah orang lain sebagaimana kamu mahu orang lain melayani kamu.

*Orang - orang Melayu - Islam kita tidak suka berdebat, tetapi sangat suka sesat - menyesat, sangat pailang sama sekali.

Benz Ali

Masalah di Syria adalah masalah absolute power oleh keluarga Bashar. Seorang pun tak mahu sentuh bab ini. Absolute power, itulah kesultanan, kekhilafahan, kemonarkian, kefirauan. Gaddafi pun sama ketika rejim dia jatuh. Pegang absolute power. Ini masalah paling serius. Masalah ini menjangkit juga pada Korea Utara, sampai dah menjadi Komunis Dinasti. Ini masalah yang kena disebutkan. Bukan isu mazhab.

Kalau kau tidak suka kepada Iran dan Hezbollah yang pergi membantu Syria, ada baiknya kau gerakkan

Benz Ali

kempen berjihad ke sana, dari merepek nak memboikot kurma Iran.

Aku pun tidak suka pada Bashar tapi aku takkan buat benda bodoh. Bukan cerita lebih baik buat sesuatu dari tak buat sesuatu, ini cerita adalah lebih baik buat benda bijak dari buat benda bodoh berkali - kali.

Dan untuk yang pro Bashar pula, mereka juga ada hujah mereka. Mereka tidak mau negara - negara kiri dirampas oleh Amerika sepertimana Amerika telah menjarah Afghanistan dan Iraq. Ha, bab ini siapa nak bising? Sekarang negara tu dah huru hara di bawah takluk kapitalis Amerika. Ada tak ulamak Sunnah mana nak bising sebab tanah umat Islam dah dirampas neo kolonialis?

Berhenti jadi bodohlah umat Islam. Ini sebab hari - hari aku maki demagog. Banyak penipu je semua ni. Nak popular, nak nama, nak tegangkan lagi jurang sectarian.

Niamakahai.

Jika boleh ditulis,

betapa teruknya negara - negara Sunnah saat ini. Pahlawan-pahlawan Melayu Sunnah sibuk berFacebook pungpangpungpang marahkan Iran - Hezbollah (sebuah negara terkuat, sebuah pasukan terkuat) tetapi negara-negara Sunnah ada apa?

Kemudian terpaksa menggantungkan nasib sendiri kepada Imperialis Amerika (okey pula kan?)

Teruk negara-negara Sunnah ini.

Benz Ali

Antara membina kefahaman sesama sendiri, membina rasa solidariti sesama yang tertindas (solidarity of the oppressed) tidaklah mahu, tetapi mahu mengkafirkan orang, menyesatkan orang, menerakakan orang, sangatlah mahu (ini tugas para demagog) dan pemimpin - pemimpin juhala' memang sukalah krisis Sunnah - Syi'ah, senang. Biar mereka membakar sesama sendiri. Biar kami terus mencuri, terus merampok mahsul bumi.

Aku mencarilah juga respon HAMAS akan hal ini (selayaknya merekalah yang pantas merespon hal FSA vs Bashar Army, bukan soldadu - soldadu Sunnah Facebook) tetapi tiadalah berjumpa juga.

Dan aku merangka sendiri teori konflik yang sedang berlaku.

Kenapa Hezbollah dan Iran membantu Syria?

Kerana sebelum ini, Syria juga ada membantu Hezbollah dan Iran dalam menentang Israel. Maka bila Amerika mula mencampurkan tangannya secara serius, dipanggilnya Hezbollah dan Iran untuk membantunya (Syria) semula.

Dan Hezbollah (Lebanon) juga Iran berfikir panjang

akan hal ini, jika Syria tumpas di tangan FSA (tajaan Amerika) apakah janji keselamatan untuk rantau yang tak mau tunduk kepada Amerika seperti Lebanon dan Iran?

Bukankah Amerika (neo kolonialis) ini dah meratakan Iraq dan Afghanistan untuk tunduk di bawah takluknya, maka bukannya bila Syria dijatuhkan, akan lebih mudah untuk menyerang Iran?

*Ulamak-ulamak yang sibuk bercakap isu mazhab dalam konflik politik ini adalah ulamak-ulamak yang buta realpolitik. Amerika tak peduli pun kau Syiah ke Sunnah. Macamlah Syah Pahlevi itu seorang Sunnah.

Benz Ali

Bagus betul ada macam - macam wacana yang dianjurkan oleh kumpulan - kumpulan anak muda. Bergerak bertemu mula berdebat di Facebook kemudian mula ke meja kedai mamak. Wacana-wacana pula hampir semuanya progresif. Tidak dilupakan juga Dewan Himpunan Cina yang setia menampung perbincangan diskusi progresif saban minggu. Ini pasti terkenang dalam sejarah pembentukan Malaysia baru.

Yang paling menghairankan. Di mana universiti? Dan di mana peranan masjid atau surau?

Benz Ali

Satu masa nanti, universiti - universiti dan ahli jawatankuasa masjid - masjid pasti akan terberak, terbarai di tengah jalan disebabkan mereka tidak ada wacana apa pun.

Hanya mengulang, menghafal, menjadi kangkung, menguatkan cengkaman birokrasi, mementingkan skrol dan sijil, menerima bulat, walak dengan usrah yang jumud dan sempit, cuma bergaul dengan pandangan sendiri dan pemuda - pemudi yang membesar dengan wacana - wacana di jalanan akan mencabar mereka setiap masa.

Masalah muslim yang berfahaman Jabariyah - bila kalah dalam pilihanraya, mengatakan itu takdir, ketentuan Tuhan, pasrah dan sebagainya.

Bila jerebu, mengatakan ini adalah ujian. Ini juga nikmat (?) Kerana jika tak ada jerebu kita tak reti bersyukur pada udara sebelum ini.

Jabariyah ialah satu faham yang fatalis, menyerahkan untung nasib kepada takdir (baca: menyalahkan Tuhan) dan tidak mahu mencari takdir atau keputusan yang lebih baik.

Benz Ali

Rum pada ayat ke 41 menegaskan, apa yang berlaku di lautan dan di daratan, adalah berpunca dari tangan - tangan manusia itu sendiri.

Sekarang kau pilih, kau nak menjadi Muslim yang fatalis, atau Muslim yang free will.

Satu jenis Muslim, salahkan Tuhan (dengan mengatakan semua ini takdir) dan satu lagi jenis Muslim, (Tuhan menentukan - ya dengan izin Allah semuanya ini berlaku - akan tetapi segala kerosakan di mukabumi ini adalah atas sebab tangan manusia itu sendiri).

Islamic Studieslah antara Studies yang boleh dituntut untuk dibuat secara percuma. Korang nak tuntutan Pendidikan Percuma kan? Ha, ini dia yang korang sangat boleh tuntutan, sebab Islamic Studies lah antara course yang tak perlukan cost. Course without cost. Apa kos nak belajar agama?

(Untuk pengetahuan ya, ilmu - ilmu agama bukan ilmu - ilmu seperti Vokasional, Medik, Engineer, Sains dan lain-lain).

Tuhan wahyukan kepada Anbiya' wal Mursalin, ilmu-

Benz Ali

ilmu agama (mafhum Hadis, barangsiapa Allah inginkan kebaikan kepadanya, maka diberikannya kefahaman ilmu agama) akan tetapi sampai sahaja ke tangan demagog - demagog berjanggut, terus dibuat begini:

Hadis (perbuatan, percakapan, taqirir - persetujuan, Nabi) dijadikan sebuah Diploma berbayar.

Usuluddin (ilmu ketuhanan, keimanan, Tauhid, dan awal agama menurut kepercayaan orang Islam, adalah mengenal Tuhan) ilmu ini juga telah dijadikan Diploma, Ijazah, Degree dan bla bla bla yang bermotifkan profit.

Lughah (Arab, dengan Bahasa Arab, kau baru boleh faham Quran, baru boleh baca kitab - kitab agama untuk faham Islam) pun sama dijadikan satu subjek pendidikan untuk dikenakan bayaran. Maka nak tak nak, kalau kau nak jadi Muslim yang baik, kamu kena membayar lebih; lebih membayar dari orang lain.

Ini belum kira Ilmu Tajwid - ilmu solat cara nabi, ilmu agama tu, ilmu agama ni.

Dan pada akhirnya, orang-orang yang tertindas, yang tercicir, yang tak sempat masuk universiti, semuanya

makin jahil dan makin jahil akan pengetahuan agama yang lengkap untuk dia menjadi Muslim yang baik. Kerana ilmu-ilmu agama itu sedang dikepung di tembok-tembok birai masjid, universiti dan pondok; pondok yang bermotifkan profit!

Ini sangat bodoh dan membodohkan.

Tuhan hantarkan wahyu - wahyu agama secara percuma, tetapi umat Islam kemudian, di tangan demagog-demagog, bersungguh-sungguh menjualkannya kepada kita.

My middle finger for ur ass, demagogs!

Benz Ali

Aku ada lihat gambar budak sekolah kena denda; Denda tengah panas. Aku tidak setuju langsung denda-denda macam ni. Tak kira bulan puasa ke bulan tak puasa ke, cikgu-cikgu banyak yang pemalas. Dan banyak yang tidak reti mengajar. Sebab tak reti mengajar, maka didendanya budak-budak ini. Diorang ini semua dihantar ke sekolah untuk belajar ke untuk didenda? Sistem pendidikan kita sangat teruk. Denda bukan satu bentuk pendidikan. Macamlah kerja sekolah bagus sangat.

Didiklah murid-murid menjadi lebih beriman dan takut



Benz Ali

pada Tuhan. Ajarkan kasih sayang Tuhan. Bukan cerita nak azab dengan mendenda mereka duduk di tengah panas.

Aku tidak peduli. Bagi aku denda-denda semua ini bukan nak mengajar. Tapi nak melepaskan tanggungjawab 'tidak reti mengajar' kepada panas matahari. Sampai bila pun budak-budak itu tidak boleh belajar menjadi manusia yang baik.

Bismillah.

Aku suka tidur dalam kelas, waktu aku sekolah rendah. Dan waktu aku sekolah menengah. Dan juga ketika aku masuk kolej universiti. Aku memang suka tidur dalam kelas.

Dan aku rasa banyak pelajaran - subjek yang disumbat dalam silibus sekolah rendah - menengah sekarang adalah penipu sahaja.

Mereka sumbat kita dengan macam-macam subjek.

Benz Ali

Walhal ini semua melumpuhkan proses kita untuk berfikir.

Dan mereka semua bagi kita masa rehat yang cukup sikit. Waktu rehat itulah kau nak main dan kau nak makan.

Dan aku rasa sangat bodoh ketika kecil.

Dan mereka menilai kita berdasarkan kertas ujian bulanan? Sedangkan masalah-masalah kehidupan di planet bumi ini, semuanya bergantung pada buku-buku teks kah?

Ayuh, bersatulah dan bangkitlah budak-budak sekolah!

Mereka berbuka puasa tetapi dengan memfitnah Islam, memfitnah Nabi, mendatangkan kekejian terhadap Islam.

Wahai penjual-penjual agama, insafilah kalian. Nabi SAW tak pernah mengajar umatnya untuk meniagakan rambut-rambutnya. Terbukti kalian sangat berlebihan dalam mencari untung atas nama agama.

Kenapa kamu tidak ada perasaan malu pada Nabi SAW? Kamu puasa apa macam ni?

Benz Ali

Kenapa tak letak je 'rambut nabi' dalam empangan ke, dalam air terjun, bukankah semua orang akan mendapat dapat 'berkat'.

Kenapa nak letak dalam botol untuk jual?

Sangat teruk sekali puasa orang-orang begini.

Bagi aku isu Alvin dan Vivian ini buang masa.

Isu paling bodoh inilah yang telah menenggelamkan banyak isu-isu penting seperti TPPA, harga barang semakin naik dan terus naik, orang miskin semakin ramai.

Aku rasa, melayan isu Alvin Chipmunks ini akan membatalkan puasa. Tak ada faedah.

Political game.

Benz Ali

Orang tu sahaja nakkan perhatian dan kita berikan perhatian.

Game rasis - fasis terus mendapat stamina baru.

Dan cerita kita nak melawan orang-orang yang merompak orang-orang miskin, tak selesai selesai.

Betapa hipokrasinya pendidikan kita.



Saudara Rosli Ibrahim, salah seorang yang ada menjadi Pembentang dalam Sekolah Pemikian Asy-Syatibi menuliskan:

Asas terpenting kepada keterbukaan budaya wacana keagamaan adalah sejauh manakah kesungguhan sikap kita terhadap budaya ilmu itu sendiri. Sementara budaya ilmu pula dikaitkan dengan budaya membaca – rancaknya kegiatan penerbitan dan penterjemahan – buku-buku dalam pelbagai disiplin pengetahuan. Hal

Benz Ali

ini pula mestilah didokong secara serentak oleh proses pendemokrasian idea melalui wacana awam yang sihat.

Bagi aku gerakan-gerakan bernuansa politik Islam - Kekuasaan - Eksklusif akan mati dan kelihatan bodoh sampai bila-bila pun ketika mereka sudah mulai tiada berhubung dengan wacana-wacana lain selain dari wacana dalam kerangka 'Islam' mereka sahaja. Perlahan-lahan mereka akan mereput dan layu dan tidak berguna lagi pada perubahan dunia.

II

Malam tadi aku baru sahaja balik dari Sekolah Pemikiran Asy-Syatibi (selepas ini akan diringkaskan dengan Asy-Syatibi sahaja) dengan rakan-rakan lain. Perbincangan kami berkitar mengenai buku yang digarap Dr. Taha Jabir Ulwani, berjudul 'La Ikraha Fid Din' (tiada paksaan dalam beragama). Kemungkinan buku ini sangat kontroversi atau pembentangnya iaitu pendiri Asy-Syatibi sendiri yang sering mengajukan pandangan-pandangan kontroversi, iaitu Ustaz Wanji yang menyebabkan begitu ramai anak-anak muda lelaki dan perempuan datang semalam. Ini sangatlah baik bagi aku, kerana aku berpandangan jika sesebuah idea itu disambut oleh kalangan muda, ia sangatlah

baik sekali untuk sesebuah idea itu. Perubahan sememangnya berada di tangan anak-anak muda (pemuda-pemudi).

Menariknya Asy-Syatibi ini, ia setakat ini berupaya bertoleransi dengan pelbagai fahaman kelompok, seperti Salafi, Sufi, Sunnah, Syiah, Kristian, Sekular, Liberal, Pragmatis, Sosialis, Komunis, Kapitalis, Anarkis, Atheis, Agnostic, Falsafah, Aktivis dan sesiapa sahaja yang baru nak mengenal dan berjinak-jinak selain dari kotak atau warna hitam putih, PAS, UMNO atau PR - BN yang sangat sectarian dan partisan. Di luar dari kotak dan warna yang menjemukan, sebenarnya di luar dari kotak itu lebih banyak kotak-kotak yang menarik hati ataupun keluasan dunia tanpa kotak.

Sekolah ini menajamkan lagi skop pengetahuan ilmu kita selama ini. Aku nak ceritanya apa, bahawa kita sudah tidak lagi boleh takut-takut untuk berdialog (berdebat, berwacana, berbincang dan apa-apa sahaja nama untuk duduk dan saling memahami antara satu sama lain) kerana pada masa hadapan, dunia untuk fasisma - sectarian tiada masa hadapan dan akan lebih merosakkan kita sendiri.

Sekarang ini, aku berfikir tentang keperluan Anarkisme

Benz Ali

dalam pendidikan. (Boleh rujuk sini untuk mendapatkan, 'kefahaman Anarkisme dalam pendidikan bagi engkau orang sendiri' http://en.wikipedia.org/wiki/Anarchism_and_education, yang aku tengah bangunkan ini, model yang aku buat sendiri dan untuk aku sendiri).

Bakunin (seorang Anarkis Rusia) ada berkata, bahawa semua orang kena kerja dan kena belajar, sampai tahap, tidak ada lagi beza antara seorang buruh dan seorang yang berilmu, di mana pada ketika itu semua orang sama (tiada beza antara kau dan aku).

Bagi aku sistem pendidikan sekarang sangatlah tidak baik dan sangatlah tidak ikhlas. Contoh seperti malam tadi, aku pergi dan sudah tahu, bahawa kami berdiskusi dan belajar di Asy-Syatibi, tanpa apa-apa pulangan material kerana kami tidak bermotifkan profit. Jadi aku tidak jumpa di celah mana kami tidak ikhlas, jelas berbeza dengan pelajaran-pelajaran di dalam sistem pendidikan sekarang, terutama di universiti lebih-lebih lagi dalam Pengajian Islam (Islamic studies). Aku menimbulkan di dalam Facebook aku,

Cuba jika belajar agama, tapi balik ke Malaysia, tidak ada kerja, nak ke mereka belajar agama lagi?

Bagi aku itu tidak ikhlas. Fullstop. Titik. Noktah. Khalas. Keikhlasan makin hilang hari demi hari dari dunia Pengajian Islam (Islamic studies).

Keikhlasan apa yang aku cuba maksudkan ini?

Ya. Orang-orang agama sekarang belajar untuk lulus exam. Tidak ada silibus dalam Islamic Studies di universiti yang tiada ada exam. Semua silibus ada exam.

Untuk apa semua exam itu? Untuk kau lulus.

Untuk apa kau lulus? Untuk kau dapat kerja.

Aku tidak fikir pula jika belajar agama tetapi peluang pekerjaan agama tidak ada, apakah akan ada lagi ketika itu pemuda – pemudi Islam mahu belajar agama di universiti dan bayar mahal-mahal? Atau pergi bayar duit tambang naik kapal terbang pergi balik setiap tahun, tetapi tidak ada peluang pekerjaan agama, apakah mereka masih mahu menjadi ustaz dan ustazah? Aku fikir pada ketika itu, mereka akan berfikiran sosialisitik seperti yang aku fikirkan sekarang.

Rutin yang aku jalankan sekarang secara anarkis (secara sendiri, secara individualis), aku setiap hari

akan sekurang-kurangnya membaca lebih dari sebuah buku. Tidak perlu ambil masa yang terlalu lama, kerana bagi aku kau tidak perlu terlalu rush untuk habiskan sesebuah buku. Ada baiknya kau habiskan satu ayat demi satu ayat untuk memahami apa yang pengarang itu cuba sampaikan. Sekurang-kurangnya dua tiga muka surat, dalam jangkamasa 13-15 minit. Habis sebuah buku itu, akan berganjak pula ke buku-buku yang lain. Kemudian akan membuka laptop dan mengGoogle.

Kemudian, ringan-ringankanlah tangan tanpa segan dengan membawa sebuah buku, kalau mahu pergi ke mana-mana. Di Malaysia, kita ada banyak betul masa menunggu. Sangat membazir jika masa menunggu bas, masa lampu merah, cuma digunakan untuk menyumpah dan marah. Sekurang-kurangnya sehelai dua muka surat, kita dapat habiskan dalam masa-masa menunggu ini.

Menulis dan terus menulis sama ada di Facebook atau di Blog. Limit aku menulis dalam sehari mestilah lebih dari 1,000 patah perkataan. Bermaksud sebulan adalah 30,000 patah perkataan. Ini adalah sebuah jumlah yang awesome untuk melatih kepenulisan kau. Kemudian aku akan tidur dan tidur aku selalunya lama.

Aku memang kuat tidur. Dan aku tidak peduli pada waktu berapa aku bangun. Bagi aku, kita kena tidur bila kita rasa mengantuk. Dan jangan peduli pada pandangan mata orang lain. Anarkis memang tidak peduli apa kata orang lain.

Bangun dari tidur yang lena, aku akan sembahyang dan baca Quran. Baca tafsir jika ada masa. Kemudian sambung mengGoogle dan menonton YouTube. Bagi aku, dokumentari dan filem adalah cara kita mahu belajar tentang budaya orang lain, tentang bahasa orang lain, tentang kepercayaan orang lain dan segala macam tentang orang lain. Barulah hilang dan terhapus keperasanan bahawa kitalah yang paling benar bila kita rajin belajar tentang orang lain.

Dan jika dalam seminggu kau berjaya habiskan sebuah buku (orang Islam cuma tahu mengkhataam Quran tetapi sangat sikit sekali yang mahu mengkritis dan mahu mengulangkaji pesan-pesan Tuhan melalui firman-firmannya di dalam Quran) bermakna dalam masa sebulan, 4 buku kau habiskan. Jika setahun kau boleh mendisiplinkan seminggu 4 buku, bermakna 48 buku kau telah baca dalam masa setahun. Bukankah ini pendidikan yang semua orang boleh melakukan sendiri tanpa perlukan bantuan universiti yang gedik

dan mahal itu? Bukankah nyawa kapitalis-kapitalis pendidikan (dalam bab ini, seperti Pengajian Sosial dan Agama) akan terancam jika semua orang boleh buat begini? Aku contohkan, dalam setahun kau fokus pada Pengajian Islam (Islamic Studies), kau buat silibus sendiri iaitu kau kena habiskan seminggu sebuah buku tentang Islam, bermakna sekurang-kurangnya kau dah habiskan 40 buku tentang Islam dalam masa setahun. Bukankah ini lebih baik daripada belajar silibus-silibus yang cuma untuk lulus periksa?

Aku terpaksa buat begini disebabkan aku merasakan sangat hampa sama sekali bila melihat buku-buku Pengajian Islam dalam Bahasa Melayu sangat teruk sekali (dan aku rasakan, dunia Arab pun kontang juga kerana mereka cuma mengulang, ilmu-ilmu yang dihafaz semenjak 900 atau 1000 tahun dahulu, bermaksud mereka cuma menjadi burung kakak tua selama 900 tahun ini, tanpa tahu untuk memberikan respon terhadap cabaran-cabaran sezaman dalam abad industri ini) dan cuba sebutkan berapa banyak buku-buku tentang pemikiran Islam atau ideologi atau agama yang ditulis dalam Bahasa Melayu? Hampir semuanya mengulang benda yang sama dan tidak ada apa-apa pandangan yang baharu melainkan penerbitan-penerbitan yang dituduh sebagai Mulhid.

Dan jika kau membaca 40 buku setahun dan menuliskan sebuah buku sekurang-kurangnya setahun, bukankah ia sangat hebat dan dahsyat dari professor-professor Pengajian Islam di mana-mana universiti atau pelajar-pelajar Pengajian Islam yang cuma membaca silibus untuk lulus periksa (untuk dapatkan pekerjaan) dan tidak menulis apa-apa (tidak menyumbang untuk umat di masa hadapan)?

Jadi aku tidak berjumpa apa-apa problem untuk seorang Muslim yang mahu belajar setiap hari walaupun dalam keadaan miskin. Point aku di sini, bukanlah tentang anarkisme itu sangat. Tetapi kau boleh jadi apa sahaja, kau boleh belajar apa sahaja, walaupun kau miskin, ataupun tidak berduit atau apa-apa sahaja keadaan kau, jika kau rajin dan berdisiplin. Anarkis pun tidak berguna jika pemalas dan cuma tahu copy paste. Ini perangai hampir kebanyakan agamawan-agamawan. Maksud aku pada perenggan ini, aku hampir tidak faham, apa perlunya aku lagi pada universiti berbayar? (Aku ada pandangan yang kontroversial tentang Tuhan, tapi tidak mahu sebutkan di sini, tetapi aku nak kata, kalau Tuhan pun mampu dicapai dengan akal pengetahuan, mengapa pendidikan tidak boleh dicapai tanpa perlu masuk universiti?)

Benz Ali

Bila tiada exam, maka aku akan belajar setiap hari. Kena belajar untuk mendapatkan lebih kefahaman setiap hari untuk menganalisa sesuatu permasalahan, university kau bukanlah lagi sebuah penjara yang beku yang dicipta untuk memenjarakan kau dengan segala macam akta (tetapi kita sendiri yang mahukan akta itu dengan mempercayai system pendidikan draconian ini), kau bukan sahaja kena belajar (teoritikal) adakalanya kau kena berpraktikal terus dengan masalah – masalah yang kau melihat di hadapan mata.

Mereka membuat system pendidikan untuk lebih tersusun, tetapi apakah benar tersusun atau umat Islamlah yang makin bermasalah?

Lagi teruk, poyo dan gedik dalam Pengajian Islam (aku mahu menuliskan tentang sistem pendidikan konvensional kita juga, tetapi nampaknya terpaksa menyelam lebih dalam dalam Pengajian Islam dalam kritikan ini, untuk lebih fokus dan khusus) ialah, jika kamu tiada duit, maka kamu tidak boleh belajar. Bukankah ini sangat hipokrit yang nyata?

Dalam erti kata lain, jika kamu tiada duit, kamu tidak boleh menjadi Muslim yang baik, jika kamu tiada duit, maka kamu tidak boleh menjadi Muslim yang cerdas,

jika kamu tiada duit, maka kamu tidak boleh masuk universiti, jika kamu tidak ada duit, maka kamu tidak boleh belajar dengan syeikh-syeikh besar, itukah Pendidikan Islam?

Agak-agak kita, jika Nabi SAW masih hidup sampai sekarang, apakah Nabi SAW akan berbuat seperti kita?

Menjadikan Usuluddin sebagai satu course mesti lulus dan membayar untuk satu sem (katakan RM5000), bukankah ini sebuah perniagaan yang lumayan sekali?

Itu baru jumlah untuk satu semester. Dan untuk seorang pelajar. Bagaimana jika ada 5000 orang pelajar? Bukankah...?

Bukankah agama adalah bisnes paling menguntungkan? Aku lama-lama semakin hilang percaya pada orang agama. (Itu aku yang dulu)

Jadi pendidikan itu apa sebenarnya? Sebuah kelas? Sebuah sekolah yang ada dinding-dinding beku, yang jamad dan batu? Yang keras lagi kaku? Yang ada meja ada kerusi? Yang apa sebenarnya?

Belajar, dan terus belajar.

Benz Ali

(Dropout akan dikatakan tidak habis belajar, tetapi sememangnya belajar mana pernah habis, kerana ilmu itu tak pernah habis habis. Manusia yang jitu itu sebenarnya sentiasa belajar dan terus belajar).

Orang - orang menjadi 'murtad', sesat, 'liberal', dsl (dan segala label) ini bukan salah orang-orang itu.

Tetapi salah 'orang-orang agama' itu sendiri.

1) Kerana 'orang-orang agama' itu tidak reti berhujah, tidak ada kekuatan berhujah, tin kosong, cakap berdegar-degar, tetapi habuk pun tidak ada, maka jika 'orang-orang agama' itu orang-orang politik Islam, dia akan suruh kita wala'.

Jika mereka semacam sufi atau tradisional, mereka

Benz Ali

akan kata, barangsiapa yang banyak bertanya, maka lemahlah imannya.

2) Kerana kelakuan, perangai dan tingkahlaku 'orang-orang agama' itu sendiri yang bermewah-mewah dengan perhiasan dunia, sedangkan tingkatan (maratib) kedudukannya sebagai 'pewaris nabi' (warasatul anbiya') sewajarnya memakruhkan dirinya dari berlazat-lazat dengan kehidupan dunia, kerana kehidupan para anbiya' adalah asketik, iaitu sangat zuhud sama sekali.

Orang teruja dengan Buddha, dengan Ghandi, dengan Khomeini, bukan sebab akidah/belief mereka, tetapi kerana kezuhudan mereka dalam menyikapi dunia.

Wailak ya rijaludin. Wailak ya rijaludin.

ISU UNFRIEND

Ramai orang marah bila kita unfriend mereka, tetapi mereka tak fikir kenapa orang itu Unfriend.

Kau malukan peribadi kawan kau, kau kutuk dia kawkaw, kau hinakan dia depan orang ramai, kemudian kau berharap, dia terus 'friend' dengan kau? Kau ni sakit ke apa? Kau mahu, kau ada kawan, tapi kawan kau tu kutuk kau depan belakang, malukan kau, hina kau, hina keluarga kau; Kau nak ke ada kawan macam tu?

Benz Ali

Jadi, logiklah kau Unfriend orang-orang macam itu.

Hatta 'Like' komen yang menghina kawan kau sendiri bagi aku, ada masalah. Orang lain hina kawan kau, memalukan kawan kau, dan kau 'Like' penghinaan itu, dan kau tetap 'nak kawan' dengan kawan kau yang dihinakan itu?

Belajarlah berbeza. Bukan patuh membuta, jika tidak sama sahaja macam fasis - rasis di luar sana.

Orang tu, mengkritik isu, mengkritik masalah, lawanlah isu itu, lawanlah apa yang dilontarkan itu, bukan serang peribadi orang itu.

Friend itu, orang-orang yang sudi berbeza fikrah, dan mengkritik isu-isu yang dia tidak sependapat.

Bukan memalukan, mengumpat, menghina, mengaibkan orang-orang yang tidak sependapat.

Aku pun tidak faham, mengapa aku nak friend dengan orang-orang macam ini?

Masalah bila orang-orang yang memperjuangkan demokrasi itu sendiri pun tidak mampu berdemokrasi. Mereka menuntut ditegakkan demokrasi, tetapi mereka sendiri pun tidak mampu menahan kritikan dalam demokrasi itu sendiri.

Bila orang menghina Islam, tugas seorang Muslim Kritis adalah melakukan counter semula dengan membuktikan bahwa penghinaan itu salah, dan mendatangkan hujah - hujah yang persuasif (hujah-hujah yang boleh memikat).

Benz Ali

Lawan kepada cara ini, ialah cara Muslim Ekstremis dengan memberikan reaksi secara keras, mengugut, mengancam, melahirkan keinginan - keinginan brutal, seperti nak membunuh, membakar dan sebagainya.

Sebenarnya, fasism itu ada sahaja di mana-mana. Kita sahaja yang menafikan akan kewujudannya.

Jika seseorang itu memberi pandangan yang silap dan tak betul (a), lawan semula dengan pandangan yang dirasakan betul (b).

Jika (a) tadi tidak dapat menjawab, maka menjadilah lucu pandangan itu kerana tidak mampu menjawab pandangan (b).

Itu sahaja. Tak perlu nak ugut pukul ke apa.

Pandangan lawan pandangan. Tulisan lawan tulisan.

Aku percaya pada demokrasi.

Dan fasisma tiada masa hadapan.

Nak tidur dah...

Manusia itu sebenarnya tidak berguna pun. Kepada Tuhannya, manusia itu tidak berguna pun. Solat seorang hamba, tidak akan memberikan apa-apa kesan pun pada Tuhan.

Buatlah amal setinggi mana pun, Tuhan tidak terkesan. Atau tinggalkan amal ibadat, Tuhan mu tidak terjejas. Tuhan itu tetaplah Tuhan. Dan kamu tetaplah kamu.

Manusia cuma berguna untuk dirinya sahaja.

Benz Ali

Jujurlah dengan dirimu wahai manusia.

Lakukanlah apa-apa sahaja, dengan kejujuran, dengan keyakinan.

Lakukanlah apa-apa sahaja kebaikan dengan keikhlasan, tanpa mengharapkan apa-apa imbalan. Kelak, Tuhan pasti temukan kamu dengan kebenaran.

Kata-kata Soe Hoek Gie, sentiasa menemani,
*nasib terbaik adalah tidak dilahirkan
dan kedua terbaik, adalah mati muda,
dan beruntunglah mereka yang mati muda.*

Sebaik-baik kamu, adalah orang yang memberi manfaat (menyumbang) untuk umat manusia, kata Nabi SAW yang mulia.

Kita ni gemar sangat, nak memboikot itu, nak memboikot ini. Gemar sangat.

Tapi kita tidak fikir pula nasib pekerja-pekerja dalam sesuatu perusahaan yang diboikot itu. Di manakah mereka akan mencari rezeki jika perusahaan tempat kerja mereka melingkup akibat diboikot?

Pemahaman perjuangan secara serpihan ini bermasalah besar. Lebih teruk apabila pemahaman secara serpihan ini dibawa oleh 'gerakan-gerakan dakwah dan orang-orang dakwah'.

Benz Ali

Kita selalu sangat nak boikot McD, nak boikot Pizza Hut, nak boikot KFC.

Tetapi kita tahu ke, yang restoran -restoran segera ini yang mudah bagi kerja kepada pemuda-pemudi kita?

Yang perusahaan-perusahaan orang Islam? Ada ke? Ada nak bagi kita kerja dengan mudah? Atau banyak sangat borang sampai orang menyampah?

Siapkan dulu basic needs, Islam, perusahaan-perusahaan kita, baru cerita hadis 10 golongan dilaknat akibat terlibat dengan arak.

Debat-debat Sunnah semenjak zaman klasik sampai ke era moden pun sentiasa dalam hal yang elit, abstrak, status quo.

Debat-debat Sunnah tentang siapa yang lebih sunnah (Madkhali, Salafi, Asya'irah, Maturidiyah dan lain-lain), tentang siapa yang holier than thou.

Sementara itu debat-debate dalam Syiah, Khawarij, Muktazilah, Qadariyah semuanya tentang mencari jalan menyelesaikan situasi despotik yang dialami oleh massa pada ketika itu. (Syiah berentap dengan

Benz Ali

regim zalim Sunnah, Khawarij melawan regim sampai dikatakan merekalah aliran keadilan kolektif pertama dalam dunia Islam, Muktazilah mengemukakan teologi rasional untuk mengatasi kebekuan fikrah yang diatasnamakan wahyu, Qadariyah dengan free-will, untuk melawan Jabariyah yang berserah pada determenistik).

Masuk ke abad moden sekalipun, Sunnah tidak mampu memberikan apa-apa reaksi terhadap kemiskinan yang dihasilkan oleh abad industri secara besar-besaran.

Muncul Komunisme, reaksi Sunnah bukan mahu mengambil apa yang baik dari Komunisme, seperti yang disarankan hadis Hikmat Dhollatul Mukmin, tetapi memilih untuk mengkafirkan Komunisme, yakni menolak Komunisme secara total.

Cadangan percuma.

Aku rasa, ini lebih ikhlas dan lebih baik dari banyak dan berlonggok 'pakar-pakar motivasi' yang berada dalam PAS. Budak-budak jemaah ini, kerjanya cuma pandai menjual air liur sahaja. Keluar kampus pun, yang handal dibuatnya, syarikat motivasi sahaja. Melayu ini memang kurang motivasikah?

Aku mencadangkan kepada PAS atau mana-mana gerakan Islam kontemporer, agar serius belajar ekonomi. (Bukan belajar buat koperasi yang melingkup

Benz Ali

ya). Sama ada teori ekonomi Kapitalis dan teori ekonomi Sosialis, mereka wajib belajar kerana kedua-dua ini penting, lebih penting dari perbahasan Baitul Muslim.

Boleh mereka minta Dr. Rosli PAS untuk mengusrahkan mereka tentang ekonomi. Aku pun tidak tahu apa dia mazhab ekonomi yang dia pegang. Tetapi yang paling penting, minta dia mengusrahkan tentang kuliah ekonomi ini. Minta dijadikan sebagian dari subjek-silibus usrah - tamrin. Tamrin jadi gila, bila bincang bab-bab memualkan seperti khilafah atau Taaddud Jamaah.

Tambahkan lagi, dengan geng-geng pro Kapital (seperti IDEAS - IKD) untuk mensyarahkan kepada mereka tentang sistem ekonomi kapitalis - aku tak kata aku pro Kapitalis, yang aku tahu, kita kena belajar kedua-dua ekonomi ini, Kapitalis pun kena belajar, Sosialis pun kena belajar, baru beroleh kefahaman yang jitu.

Maka, kenalah bawa masuk geng-geng Sosialis, seperti dari Brickfields iaitu Hishamudin Rais atau dari PSM, iaitu Dr. Nasir Hasyim. Atau nak contact CWI? Beritahu dan aku beritahu mereka.

Tidak setuju dengan pandangan hidup mereka, tiada

masalah. Kita tidak perlu bersetuju dengan semua perkara untuk terima sesuatu perkara. Yang kita perlu belajar adalah ideologi ekonomi, maka dalam pembelajaran, kena bersikap terbuka, bukan terbuka untuk menerima apa sahaja, tetapi terbuka untuk memikir, untuk menilai, untuk meragu, untuk mengkritik, untuk mencabar, dan apa - apa sahaja sampai kita mendapatkan kefahaman yang jelas akan ideologi-ideologi ekonomi ini.

Mestilah tidak boleh ada lagi perangai bodoh dan sombong Islamis iaitu tidak mahu belajar apa-apa yang baik dari orang lain,

Ya, korang ada kutip derma, derma jihad, derma itu, derma ini nak buat apa?

Upahlah orang untuk mengajar. Upah mereka yang memang 'taiko' dalam sesuatu pelajaran. Bukan belajar dari orang yang membenci sesuatu pelajaran itu.

Maksudnya, kau tidak akan beroleh kefahaman yang jitu tentang Sosialis, jika kau belajar sosialis dari seorang penyarah Islamis yang membenci Sosialis.

Maka kau kena mencari 'Guru' (guru dalam maksud





Benz Ali

aku, luas, bukan guru yang sempit dan dangkal) yang memang 'fakih' dalam urusan sesuatu ideologi ekonomi ini.

Seperti Muslim, marah jika orang Islam belajar Islam dari Orientalis, kerana bagi Muslim, adalah perlu kita belajar dari orang Islam sendiri tentang Islam, baru boleh faham tentang Islam, maka seperti itulah yang kau kena buat.

Cadangan ini dibuat sebab aku rasa Islamis sangat teruk.



Menjawab Nurul.

(Nurul)

I disagree a lot dengan Benz Ali, though he does have some valid points.

(AKU)

Tak setuju pun tak apa. Kalau kamu setuju pun, aku tetap kena bekerja seperti biasa esok hari. Jadi tiada masalah pun kamu nak setuju atau tak setuju.

Benz Ali

(Nurul)

Boleh terangkan pada saya, kenapa ulamak kahwin banyak jadi such a big deal? Does it hurt you in some way?

(AKU)

Bagi aku, ulamak menempati posisi yang penting sebenarnya. Posisi mereka bukan sebuah posisi yang boleh dibuat main. Posisi mereka sangat serius kerana mereka sebenarnya bertanggungjawab terhadap umat. Ada sebuah hadis mengatakan bahawa orang alim (ulamak) akan masuk ke neraka lebih dulu sebelum pembuat patung-patung berhala. Kerana perangai mereka yang cintakan dunia, tentunya.

Maka atas sebab itu aku tak dapat melihat kewajaran ulamak untuk bernikah banyak. Tidak dapat. Tetapi apakah ianya haram? Tidak. Semenjak bila aku mengharamkan ulamak bernikah ramai? Ini keharusan dalam beragama.

Tetapi kena faham elok-elok, ini 'keharusan'. Bukan kewajiban beragama. Maka keharusan ini sewajarnya masih terbuka untuk dikritik jika adanya persepsi bahawa ada salah guna pada keharusan tersebut.

Dan banyak lagi kewajiban dalam Islam yang tak terpenuhi oleh kaum agama, dan mereka lebih suka menambahkan bilangan isteri?

Aku tak pernah mengharamkan apa-apa yang dihalalkan Allah. Aku cuma bertanya, apakah ini priorititi seorang cendekia Islam?

Dan aku membuat kesimpulan, bahawa nafsu ulamak kuat. Itu sahaja. Aku menambah, kuat seperti kuda jantan. Bukan ulamak itu kuda jantan.

Benz Ali

ANTARA FARAJ DAN ORANG MISKIN

Menjeritlah orang miskin itu
Seperti orang gila menjerit
Bila hari - hari dia melihat
Orang - orang miskin semakin ramai
Yang miskin semakin miskin
Yang kaya semakin kaya
Argh... Salah siapa kecelakaan ini?

Agamawan semakin tambun

Benz Ali

Perutnya makin besar, membesar setiap hari
Kekayaannya semakin bertambah dan bertambah
Kehidupannya semakin mewah dari sehari ke sehari
Isteri juga ditambah satu demi satu
Kata mereka, ini Islam Muawiyah, pendiri Umayyah.

Orang miskin semakin tidak mendapat tempat
Dan agamawan-agamawan semakin jahat kulihat
Firman-firman Tuhan di tangan
Dan sabda - sabda Rasul di kocek mereka
Dan dunia semakin sempit neraka
Dan mereka mendondangkan kepada kita, syurga.

Syurga apa aku bertanya?
Antara faraj dan orang miskin
Atas dunia aku melihat
Ulamak semakin jahat dalam nikmat
Poket mereka semakin penuh
Fatwa-fatwa mereka sentiasa lucu

Poligami, seks, bidadari sentiasa laju di bibir mereka
Kata mereka, ini ganjaran Tuhan kepada mereka
Aku keliru, aku buntu
Apakah ini agama, apakah ini wahyu?
Manakah ia kepedulian terhadap orang susah?
Mengapakah tak dijadikan kewajiban yang kau wajib

pertahankan mati - matian

Seperti mana kau mempertahankan keharusan menikah dengan ramai perempuan?

Apakah agama kamu adalah faraj?

Dan bila orang-orang Muslim sangat kritis kepada kamu

Dan mempertanyakan tanggungjawab sosial kamu

Maka kami dijatuhkan hukuman kafir mandatori?

Antara faraj dan orang miskin

Di manakah kamu, hai saudara?

Benz Ali

MENJAWAB STATUS RAKAN DAN KONTROVERSI

Pepatah melayu kata, Asyraf, kerna nila setitik rosak susu sebelanga, Asyraf. Marx pula ada berkata, agama adalah candu. Dan aku pula berkata, agama sudah macam kondom.

Logiknya begini, (eloknya kita jujur membuat pengakuan lah),

Ada lagi ramai pemuda-pemudi Islam yang belum

Benz Ali

berkahwin. Ada ramai juga orang-orang yang miskin. Tetapi ada ulamak-ulamak dan ustaz-ustaz ini memilih untuk berkahwin lebih.

Bukankah benar bila aku bercakap ulamak-ulamak kuat nafsunya seperti kuda? Kalau dia tak kuat nafsu, dia tidak akan berkahwin lebih. Kan?

Jadi bila dia berkahwin lebih, aku orang awam, berhak untuk aku berikan persepsi aku.

Kita tidak menentang poligami, kerana kita berpandangan bahawa Islam lebih baik dalam menjaga populasi umat manusia, menjaga keturunan dan membela kaum perempuan. Ini pandangan aku, dan aku tak berdolak-dalik.

Tetapi apakah poligami itu satu keharusan atau satu kewajiban dalam Islam? Manakah sekarang ini yang menjadi paling prioriti dalam umat Islam sekarang?

Tolong orang miskin kah? Atau poligami?

Kenapa orang Islam sekarang, (dibantu dengan keoportunan ulamak) melebih-lebihkan permasalahan yang harus, dan melalai-lalakan perkara yang lebih


penting seperti tolong orang miskin?

Kenapa menolong orang miskin tidak dijadikan kewajiban yang wajib dipertahankan mati-matian seperti mempertahankan keharusan berpoligami?

Benz Ali

Kaum lelaki - patriarki cuma memikirkan hak mereka sahaja, dan sering menggunakan nas-nas agama untuk berpihak kepada mereka. Mereka ingin mendudukkan kaum perempuan menggunakan kata-kata Tuhan..

Aku bertuhan. Dan aku logik.




Okey, sekarang kau bayangkan, bini kau ada lagi tiga kekasih. Kau redha? Kalau kau redha, sekejap lagi aku

Benz Ali

buat status minta maaf pada seluruh umat Islam yang memang gila nak poligami.



Tak. Aku bukan cakap ayah kau. Aku cakap, kalau mak kau ada lagi tiga kekasih, kau redha tak? Tak payah cakap bab mak kau ada tiga lagi suami, tak logik. So aku nak tanya, kalau mak kau ada lagi tiga kekasih, kekasih je, bukan suami, kau redha tak?



lelaki cuma fikirkan perasaan diri mereka sahaja. Sementara perasaan perempuan-perempuan yang dinikahinya?

Pakai selipar isteri kamu, nescaya kamu tahu perasaannya..

APAKAH ISLAM HANYA DI RANJANG?

Dari teman seusrah orang tertindas, lzzzudin Suwardi.

Macam haram ayat Awin Counsel. Nampak macam kau tak pernah turun tengok masyarakat awam. Kau duduk depan laptop hari-hari, lepas tu kau cakap orang miskin kena sedar diri. Weh, kalau macam tu, buat apa Islam suruh bayar zakat dan agihkan pada org miskin kalau orang miskin kena bergantung pada diri sendiri

Benz Ali

tanpa mengharap pada yang lain? Satu.

Dua. Berapa ramai orang bertaraf miskin kat Malaysia ni, berkerja keras tapi tak kaya-kaya? Yang kerja kat kedai mamak 19 jam sehari aku tengok dah 5 tahun dok kat situ je? Berapa ramai yang kerja keras berpanas terik tapi nasib dia tak berubah pun? Miskin bukan semata2 dia tak bekerja, tapi banyak penindasan yang berlaku kemudian didiamkan orang yang berilmu. Kalau dah miskin, nak dapatkan pendidikan yang baik pun bukan mudah. Bila mereka cenderung untuk gagal dalam pelajaran, dan tidak dipandang baik dalam masyarakat, apakah kau nak menghukum si miskin tak sedar diri?

Isu kat sini bukan si miskin tak mampu berkahwin. Tapi penindasan terhadap kaum lemah lebih utama untuk diperjuangkan daripada kahwin. Kau ni tak boleh nampak ke point of the story. Nak kahwin 4 pun bukan masalah, tapi dimana suara para ulamak dalam melawan penindasan? Di mana ulamak ketika si miskin menangis kebuluran? Di mana ulamak yang melaungkan Islam, Islam, sedangkan intipati Islam yang paling utama yakni Tauhid dan keadilan dianaktirikan. Apakah Islam itu hanya di ranjang? Inikah tujuan agama diwahyukan?

Tauhid, membebaskan manusia daripada penindasan sesama insan, kepada keadilan Tuhan. Tuhan memerintahkan kamu untuk memperjuangkan apa? Dan bukankah golongan yang paling mahir dengan wahyu ini adalah ulamak? Maka merekalah antara yang paling utama untuk cakna masalah kemanusiaan ini. Apakah agama ini mengajar kamu untuk bersikap individualistik? Jadi untuk apa wujudnya hadis-hadis berkaitan kepedulian terhadap lapar saudara kamu dan penunaian ke atas hak-hak mereka?

Benz Ali

KONSEP 'MAN YASHA' (ALLAH BEBAS BUAT APA YANG DIA KEHENDAKI)

Kebelakangan ini aku menjadi tertanya-tanya sendiri tentang konsep keadilan Tuhan. Apakah Tuhan itu adil?

Jika Tuhan itu adil, mengapa diciptakannya ada yang kaya dan ada yang miskin? Ada yang kaya keparat, ada yang miskin melarat? Ada negeri yang ditimpa wabak bencana, ada negeri yang makmur sentosa; Di manakah keadilan Tuhan?

Dalam bahasa lebih mudah, yang miskin semakin miskin, dan yang kaya semakin kaya, di manakah Tuhan itu berada? Adakah benar Tuhan benar-benar wujud? Atau bagaimana?

Hampir dua bulan ini aku menjadi gila memikirkan persoalan maha besar ini apakah benar Tuhan benar-benar wujud? Jika benar kewujudan Tuhan, mengapa dibiarkan manusia itu terus diuji dan diuji berkali-kali?

Tapi aku tidak dapat pergi terlalu jauh. Pemikiran theis atau pemikiran bertuhan sentiasa 'menangkap' aku, di celah mana aku cuba melarikan diri sekalipun. Perasaan bertuhan sentiasa mengelilingi aku dan membatasi aku dengan bukti-bukti yang tak dapat ku sangkal.

Sekalipun agnostic - atheis sangat sinis akan keberadaan Tuhan, mereka tetap tak mampu menyangkal akan kewujudan ada suatu Kuasa Maha Luar Biasa.

BUDAK

Budak tetap budak, selagi rela membiarkan diri tetap diperbudak,
Budak tetap budak selagi budak rela dibentak - bentak ruh dan kehormatan si budak telah lama dipijak - pijak oleh mereka yang tamak,
Sejarah dunia, adalah sejarah para pemberontak,
Pengkiran nama mereka kerana mereka bertindak,
Majikan berlagak dan terus menggertak,
Katakan tidak,

Benz Ali

Kangan takut lagi untuk menolak dan pertahankan hak,
Bilangan pada mereka,
Kami adalah burung gagak lapar yang liar, gak, gak,
gak! Kami tidak takut lagi!
Tanpa kami,
Hasilmu tidak akan banyak, makanmu tidak akan enak,
tidurmu tidak akan nyenyak,
Selagi urat nadi ini bergerak, kami tidak takut diasak
pada hari ini, bukan kamu yang menentukan nasib
kami,
Tetapi kami yang menentukan nasib kamu, wahai
mereka-mereka yang memperbudak.

Boring kerja Pizza.

Bos tanya, "Kau apa hal?"
Aku membalas, "Kau apa hal bos?"

Aku tidak suka tunduk pada sesiapa. Kau dan aku
sama sahaja. Cuma uniform yang membezakan kau
kuli gred apa.

"Orang merdeka, tidak takut pada sesiapa."

Tidakkah ulamak-ulamak itu belajar tentang Daruriyyat, Hajjiyyat dan Tahsiniyyat?

Apakah kereta Ferrari atau Volkswagen Golf GTI sebuah barang keperluan? Berapakah harga Ferrari? Berapakah harga Volkswagen Golf GTI? Berapakah kampil beras yang boleh diberikan kepada kaum miskin dengan harga Volkswagen Golf GTI tadi? Apakah ustaz-ustaz tidak boleh menggunakan kereta yang lebih murah? Atau jika ketagih untuk menggunakan kereta-kereta yang mahal juga, kenapa tidak menggunakan kereta tempatan? Kenapa mahu guna kereta buatan



Benz Ali

'kafir' yang kapitalis? Kenapa dalam bab seperti ini tidak ada perandai mahu memboikot perasaan bermewah-mewah dan bermegah-megah?

Kenapa tidak ada perasaan mahu memboikot Yahudi, Zionis dan lain-lain?

Ada beza Jose Mujica dengan Haji Hadi. Ada beza antara Jeyakumar dengan Azhar Idrus.

Cubalah kau bandingkan dan lihat sifat orang-orang Sosialis tentang harta. Mereka tidak mencintai harta dan tidak pandai menggunakan agama.

Aku kadang-kadang naik buntu dengan orang Islam ini. Kekayaan mereka melimpah ruah dan cinta mereka pada dunia sangat meluap-luap sekali.

Dibandingkan dengan Sosialis, mereka bukan pada

Benz Ali

'kasihan - simpati' pada orang miskin seperti yang dibuat oleh filantropis-filantropis Kapitalis Muslim, iaitu yang menjadikan yang miskin tetap miskin dan sentiasa bergantung kepada mereka setiap masa; Tetapi mereka memperjuangkan sistem yang berupaya merapatkan saf antara miskin kaya. Yang akan menjadikan semua manusia, sama sahaja.

Kalaulah Tuhan itu tidak ada, maka sudah tentulah aku akan menjadi seorang Atheis yang Sosialis, yang hidup mati aku demi orang miskin, demi kaum buruh.

USTAZ, KEKAYAAN DAN AGAMA

Mereka selalu mengatakan bahawa kita semua kena bekerja keras, baru boleh kaya raya, baru boleh pakai Ferrari, baru boleh pakai Volkswagen GOLF GTI, atau Mini Cooper.

Soalnya adakah begitu?

Berapa jam ustaz-ustaz bekerja dalam sehari? Apa kerja mereka? Mereka bekerja ceramah sahaja. Atau

Benz Ali

dalam bahasa moden dipanggil 'menjual air liur'.

Berapa lama pula? Sejam? Dua jam? Tiga jam? Empat jam?

Hey, come on! Buruh-buruh lebih bekerja keras dari kamu wahai ustaz-ustaz. Mereka bekerja lebih dari 12 jam sehari.

Kalau ikut logik kamu dengan bekerja keras maka tiada lagi orang miskin, ustaz-ustaz itu tak layak pakai kereta mewah, sebab kerja keras mereka kerja apa sahaja?

Kalau ikut logik kamu, dengan bekerja keras, maka baru boleh pakai kereta mewah, tentu hari-hari kita akan tengok mamak di mapley akan naik kereta Volkswagen GOLF GTI dan buruh-buruh Nepal akan menaiki Mini Cooper ke tempat kerja.

Ustaz-ustaz, aku memang sudah lama tidak puas hati dengan kamu semua. Islam tak ajar penganutnya hidup bermewah-mewah.

Aku memang anti ustaz-ustaz yang kehidupan mereka sangat bermandikan kemewahan. Itu bukan pakaian seorang yang menyampaikan pesan-pesan Tuhan.

P TPTN bagi aku isunya mudah sahaja.

Tak payah bayar. Kalau semua mahasiswa pinjam, tapi tak bayar, lingkuplah PTPTN tu. Senang.

Eloknya aku syorkan lagi, tak payah pinjam. Dan tak payah masuk universiti.

Buat apa nak masuk universiti?

Universiti bagi aku telah mengehendkan keupayaan seseorang manusia itu. Aku rasa makin bodoh pula



Benz Ali

kalau lama-lama aku duduk dalam universiti.

Kita sendiri yang menciptakan 'penjara-penjara' baru untuk kita. Kita sendiri yang menciptakan 'batasan itu - batasan ini' terhadap abiliti kita sendiri.

Baru bangun pagi.

Sebenarnya bagi aku, orang-orang Islam kita dewasa ini, pada hari ini telah menyempitkan dada mereka akan hal-hal yang tidak perlu, hal-hal yang tidak penting seperti mengharamkan rokok dan apa yang dinamakan sebagai 'blue'.

Bagi aku, masa sudah begitu banyak terbuang dalam kehidupan beragama seseorang Muslim ketika membicarakan tentang rokok (narkotik) dan 'blue'.

Benz Ali

Sebab aku bangun pagi hari ini, tak sama dengan aku bangun pagi beberapa tahun dulu.

Aku bangun pagi beberapa tahun dulu, dalam keadaan gersang. Dan aku bangun pagi hari ini, selepas berkahwin, aku tak rasa aku nak tengok Cd blue atau cerita lucu. Aku okey tanpa perlu aku bangun pagi-pagi menonton blue.

Seperti juga merokok. Aku boleh istikomah (konsisten) tidak merokok tanpa perlu aku berkempen sana-sini tentang what we call 'bahaya rokok' - 'anti rokok' dan segala macam mak dan nenek. Aku berkawan dengan sesiapa sahaja yang merokok, tanpa perlu aku menjadi seorang perokok. Lakum dinukum waliyadin, adalah prinsip aku dalam hal merokok ini ketika bersama dengan kawan - kawan perokok. Bagi mereka, 'agama merokok' dan bagiku agama 'tidak merokok'.

Aku tak perlu susah-susah habiskan masa dengan baca kitab itu, baca kitab ini, cuba terapi itu, atau cuba terapi ini, untuk mengelakkan diri dari mencuba rokok dan menonton Cd blue.

Aku cuma kena menjadi diri aku dan sedar, bahawa sebenarnya kehidupan ini sangat singkat sekali

sebenarnya.

Dan aku habiskan masa dengan buku. Dengan menulis,
dengan membaca dan dengan berwacana.

Aku tak merokok, aku tak berminat dengan Cd blue,
dan aku okey.

Benz Ali

PROBLEM ISLAM 'WAY OF LIFE'

Aku seorang muslim. Walaupun aku 'poyo' atau 'koya' mengaku itu, mengaku ini, (yang paling penting) asalkan kau punya penjelasan kau terhadap apa yang kau mengaku itu.

Sebab itu worldview aku, mesti disandarkan pada mata air Islam itu sendiri, iaitu Allah dan Muhammad, yang membawa maksud Quran (pesan-pesan Tuhan) dan Muhammad, yakni interaksi-interaksi Nabi SAW.

Benz Ali

Aku agak kritikal dengan sahabat. Jadi aku tak mahu cakap pasal ini. *Hadis-hadis pun bagi aku banyak kena disemak semula (seperti biasa, logik memainkan peranan penting dan Islam bagi aku memang sebuah ajaran logik yang masuk akal).

Masalahnya, ialah bukan pada aku. Pada orang lain.

Banyak orang-orang Islam hari ini, dari 'baka' haraki (sejenis baka seperti PAS, Ikhwan, Hizbut Tahrir dan lain-lain) selalu mengungkapkan slogan manis iaitu Islam Way of Life, Islam Deenul Hayat, Islam adalah penyelesaian dan lain-lain lagi.

Tetapi yang paling problem sekarang adalah umat Islam. Cuba kau semak sekeliling kau (di kampung kau, di taman kau, di sekolah kau, di daerah kau, di universiti - universiti, di jabatan-jabatan kerajaan, di dalam negeri kau, di negara kau, di planet bumi ini, sama ada di peringkat local, nasional atau international) umat Islam begitu teruk sekali. Seperti ajaran Quran yang mulia, yang logik, yang prihatin pada yang miskin, sangatlah beda sekali dengan praktikal umat yang membaca kalam Tuhan iaitu Quran itu sendiri.

Kalau ada kritikan-kritikan dipaku ke tengkuk Islamis-

Islamis ini, maka mereka akan memarahi kita dengan dogma itu dan dogma ini. Mereka akan menuduh kita murtad, liberal, sesat, gila, Syiah dan segala macam mak nenek lagi.

Hakikatnya orang Islam memang sangat teruk sekali. Paling mundur, paling terkebelakang dan paling naïf. Sama ada mereka jahat atau bodoh sahaja. Ulamak-ulamak banyak mana pun macam tak berguna. Sudah berapa puluh tahun kita menghantar pelajar-pelajar kita belajar agama di Timur Tengah? Apa hasilnya?

Ferrari? Mini Cooper? Volkswagen Golf GTI? Berkahwin dua? Berkahwin tiga?

Orang Islam pemalas, orang Islam paling bodoh, orang Islam suka berperang, orang Islam kuat seks, orang Islam suka sesat-menyesatkan satu sama lain, orang Islam paling kuat korupsi, jenayah sana-sini dan apa lagi?

Islam itu penyelesaian apa jika lagu ni?

Benz Ali

Agama kita seperti dibentuk oleh setan - setan sahaja.

Aku hampir tidak jumpa Islam mahu bersuara dengan lebih baik terhadap saingannya, terhadap lawannya.

Hanya cercaan demi cercaan, gertakan demi gertakan, ancaman demi ancaman, makian demi makian.

Aku sangat kecewa. Adakah ini rupanya Islam sebenar?

Islam seperti tiada kasih sayang. Kontang dengan

Benz Ali

perasaan ingin menyelamatkan manusia lain. Hanya kafir, kafir, kafir, murtad, murtad, murtad, sesat, sesat, sesat, semata-mata.

Aku rasa sedih. Jika Nabi SAW hidup lagi, apakah Nabi SAW seronok? Apakah Nabi SAW seronok?

Agama kita seperti, kematian, darah, pembunuhan demi pembunuhan, seperti itu adalah sebuah kebanggaan yang dibangga-banggakan di dalam agama kita.

Seolah-olah jika lebih ramai orang Kristian mati, kita akan lebih seronok. Seolah-olah jika ramai orang Syiah mati, kita akan lebih seronok, apakah ini intipati ajaran kita?

Semakin ramai orang berlainan dengan kita mati, semakin kita seronok?

Apakah agama ini menyuruh kita menjadi seorang penyakit mental yang hauskan darah? Apakah? Apakah? Semakin ramai orang mati, semakin kita gembira dan melompat-lompat keceriaan?

Aku semakin tidak faham. Aku semakin buntu. Aku semakin keliru.

Aku bertanya kepada mereka, “Mengapa jika perbincangan-perbincangan tentang permasalahan daulah, kita kena memanggil elit-elit politik dan elit-elit akademik semata-mata? Dan kita memanggil kedua-dua jenis ‘animal’ ini sebagai public intellectual? Ini sangat gedik. Ini sangat poyo. Aku istilahkan ini sebagai kepoyoan intelektualisme.

Public intellectual itu bukanlah seekor makhluk asing atau seorang manusia dari Planet Marikh, bahkan word ‘intellectual’ itu pun kadang-kadang sepatutnya mengundang skeptis. Ia seperti mengasingkan manusia

Benz Ali

sahaja. Kerana bagi aku, semua manusia ada potensi intelektualnya.

Kenapa buruh-buruh tidak diajak untuk berbincang tentang masa depan daulah? Mereka telah memerah penat lelah sekian lama untuk sesebuah daulah dan kita tidak pernah mempedulikan kesedaran mereka, dan asyik-asyik, 'wacana-wacana' kita cuma poyo sesama kita semata-mata.

Dan kita bilang ini intelektualisme?

Intelektualisme punggung.

Dalam bahasa lebih mudah, aku melihat, bahawa orang Arablah yang kena belajar dengan orang Malaysia. Bukan kita yang kena belajar dengan orang Arab. Sebab itu aku 'kurang' respek sangat orang-orang mengaji Arab.

Buat apa aku nak 'respek' sangat? Negeri yang korang sedang belajar itu sedang huru-hara dan Malaysia adalah 100 kali lebih baik negeri-negeri Arab.

Janganlah serang aku lagi dengan hujah-hujah yang memalukan, dengan mengatakan Nabi Muhammad

Benz Ali

SAW itu berbangsa Arab, dan Quran itu Bahasa Arab. Hujah ala rasis sebegini cuma menumpulkan lagi pemikiran. Hampir 24 Rasul yang wajib dipercayai orang Islam adalah dari bangsa Yahudi dan kitab-kitab suci mereka dalam tulisan Yahudi (Ibrani - Hebrew).

Janganlah menyangkutkan kebodohan dan kelemahan serta kejahatan bangsa Arab sekarang dengan Nabi SAW kerana Nabi Muhammad SAW itu, Nabi aku juga, Nabi Bani Melayu juga.

Wa ma arsalnaka illa rahmatan lil 'alamin. Laisa lil 'arabiy faqat.

Proud be Malaysian.

Status Syatibi paling baik (aku jumpa semasa aku tengah mencari video lama):

Manusia yang jujur dalam mencari kebenaran, tiada apa yang dapat menghalangnya dari sikap mahu mencari.

Tiada kuasa manusia atau kerajaan yang mampu menyekat dia untuk mencari dan terus mencari.

Tiada mana-mana authoriti yang mampu menyekat kemampuan akalnya menapis ilmu dan kebijaksanaanya

Benz Ali

dalam analisis ilmu.

Jika ada kerajaan yang menghalang satu-satu ilmu atau pencerahan dengan kuasa undang-undang, makanya kerajaan itu sedang menganggap rakyatnya semua bodoh dan malas berfikir.

Dari itu, akan lahir kelompok malas dan tidak peduli. Maka tahniah, kerajaan sedang memenangi permainan membodohkan rakyat.

Selamat bermujahadah hei musafir kebenaran!

HINA AGAMA DAN KRITIK AGAMA, LAIN

Aku ada berkawan dengan orang gay dengan Atheis, dengan Komunis, skeptis, Agnostik dan pro Spinoza, tetapi mereka tak pernah hina agama aku. Mereka siap carikan aku kiblat lagi waktu aku nak sembahyang Maghrib.

Tetapi mereka gemar mengkritik (antara sebab aku memang kuat mengkritik) agama aku dan orang-orang dalam agama aku (ada beza juga antara keduanya).





Benz Ali

Tapi mereka sangat bagus sekali. Sampai ada seorang yang gay tu. Dia pro Hamas dan Palestin dan Anti pada Israel. Dan dia salute pada Kelantan (dan aku tidak).

Aku mengalu-alukan kritikan terus dilakukan terhadap agama dan lebih-lebih lagi, orang agama,

tapi please, menghina agama, itu tidak baik.

Kamu tidak mahu beragama, silakan. Dan jangan halang orang nak beragama dan jangan hina orang-orang yang nak beragama.



Aku tidak dapat memahami logik orang - orang Islamis, yang sentiasa berharap kepada kekuasaan. Tetapi mereka sangat marah, bila orang yang bukan Islamis menekan mereka dengan kekuasaan. Seperti kemaksiatan sebagai contoh.

Islamis sangat berharap kepada kekuasaan untuk melawan kemaksiatan.

Tidak ada dialog, tidak ada dakwah, tidak ada komunikasi, tidak ada diskusi, tidak ada wacana, tidak ada perbincangan, terus pada kekuasaan.

Benz Ali

Ini tidak betul (sekurang-kurangnya bagi aku sendiri), walaupun aku seorang Muslim, tetapi aku sangat anti sekali penggunaan kekuasaan sewenang-wenangnya. Kerana aku melihat bahawa sangat bergantung harap kepada kekuasaan, akan lebih mendorong kepada penyalahgunaan kekuasaan.

Sebagai seorang Muslim, Islam itu lebih kental, lebih jitu, lebih ikhlas tanpa perlu bergantung kepada kekuasaan.

Kerana kekuasaan mendorong nifak. Mendorong kemunafikan dalam beragama. Pengawalan Iman sudah bukan dikawal oleh Iman dan kepercayaan sendiri, tetapi dikawal dan diselia oleh daulah.

Intervensi daulah dalam urusan keimanan, adalah sesuatu yang mengarut.

DARI SEORANG PEMBACA (PEREMPUAN)

“Hampir dua bulan ini aku menjadi gila memikirkan persoalan maha besar ini apakah benar Tuhan benar – benar wujud? Jika benar kewujudan Tuhan, mengapa dibiarkan manusia itu terus diuji dan diuji berkali-kali?”

Saya: Saya tidak melalui fasa pertanyaan ini. Sebaliknya saya terus pergi ke fasa Sifat Allah. Maksud saya, seperti yang di sebut oleh Benz di bawah ini:

Benz Ali

Tapi aku tidak dapat pergi terlalu jauh. Pemikiran theis atau pemikiran bertuhan sentiasa 'menangkap' aku, di celah mana aku cuba melarikan diri sekalipun. Perasaan bertuhan sentiasa mengelilingi aku dan membatasi aku dengan bukti-bukti yang tak dapat ku sangkal.

Sekalipun agnostic - atheis sangat sinis akan keberadaan Tuhan, mereka tetap tak mampu menyangkal akan kewujudan ada suatu Kuasa Maha Luar Biasa.

Aku: Percaya tanpa sangsi Allah itu wujud, tetapi dek kerana ujian-ujian dan kesedihan, penderitaan, kekejaman yang kita lalui, yang kita lihat, timbul persoalan kenapa Allah biarkan semua itu. Atau dengan bahasa mudahnya, tidak faham dgn sikap Allah terhadap semua penderitaan dan kesengsaraan manusia yang Dia cipta, kenapa tidak dibantu? Bukankah kalau kita ibu, sedaya mungkin kita akan membantu dan melindungi anak kita dari terkena mara bahaya. Selalu terfikir, apakah Allah berasa gembira apabila Dia menguji manusia dengan penderitaan dan penyiksaan yang adakalanya tak mampu manusia tanggung?

Dan aku sedar, semua persoalan itu timbul kerana pemahaman terhadap Allah tersangat cetek dan

terbatas dan ada sebahagiannya kita diajar sesuatu yg salah tentang Allah sehinggal kita menjadi 'bengong' kerana meyakini sesuatu yang sebenarnya bukan datang dari Allah.

Benz Ali

Hari ini jumpa ramai orang. Dan esok pun akan jumpa ramai orang.

Ada yang aku jumpa tadi, kawan. Ada juga lawan.

Di dunia ini, kau tak boleh sekat sesiapa pun untuk membenci kau pun dan di dunia ini kau tak boleh sekat sesiapa pun untuk menyukai kau.

Inilah adat resam hidup dalam dunia.

Nasihat aku, berpada-padalalah.

Benz Ali

Aku rasa aku tak pernah atau jarang sangat nak sentuh bab orang secara peribadi, personal. Tak berminat langsung. Tak berfaedah. Membuang masa.

Tetapi kalau menyentuh kepentingan awam, serius aku akan lawan. Biar kehilangan kawan pun.

Nabi SAW bersabda, (mafhum):

“Sayang pada orang, pada-pada, nanti satu masa, mungkin dia akan membencimu.

Benci pada orang, pun pada-pada, nanti satu masa, mungkin dia akan menyayangimu.”

Kita ini, tinggal dalam Planet Bumi yang sama, berkongsi cahaya matahari yang sama. Kalau gaduh teruk sangat, nanti terjumpa, segan tak ingat.

Selalu apabila berdebat dengan orang-orang Islam yang pro kekayaan, hujah dan sosok yang selalu dibawa masuk dalam penghujahan adalah kalangan yang kaya seperti Abu Bakar, Uthman serta Abdul Rahman Bin Auf.

Aku tiada masalah tentang hal itu walaupun agama aku, tak mahu merujuk pada Para Sahabat. Kerana agama aku, adalah Tuhan (pesan-pesan Tuhan dalam Quran) dan interaksi-interaksi Nabi SAW.

Kerana itu aku tiada masalah dengan sesiapa yang nak

Benz Ali

berbisnes, mencari kapital demi kapital atau sesiapa sahaja yang ingin mencari kekayaan di mukabumi ini. Aku tiada masalah.

Yang paling penting untuk ditanyakan adalah, berapa upah kau bayar untuk pekerja-pekerja kau? Itu yang kau mesti semak semula 'dalil Islam' kau.

Apakah jika 'watak Islami' seperti Abu Bakar, Uthman atau Abdul Rahman Bin AUF masih hidup lagi, apakah mereka akan bayar pekerja-pekerjanya dengan gaji bawah paras minima dan kita kena redha?

Sebab agama aku bukan mengikut 'logik Para Sahabat' maka aku tidak memerlukan mana-mana sosok untuk aku berfikir. Cukup aku bersandarkan, Al-Humazah:1-7. Agama aku direct terus pada Quran, interaksi-interaksi Utusan Tuhan dan logik akal.

Aku tak rasa Para Sahabat yang disebutkan itu akan bayar upah buruh dengan upah yang murah.

Selalu orang sebut pertahankan Islam dengan Quran dan Sunnah.

Tapi tak ramai orang nak sebut pertahankan Islam menggunakan sumber-sumber aliran yang berlainan.

Guna sumber Falsafah - Logik untuk pertahankan Islam (Al-Ghazali guna, Asya'irah Guna, Imam Syafie dan Salafi - Salafi tak mau guna).

Guna sumber Marxist untuk pertahankan Islam (Marxist bukan sekadar tentang ekonomi).

Benz Ali

Guna sumber Liberalisme untuk pertahankan Islam.

Guna sumber Hindu untuk pertahankan Islam.

Guna sumber Yahudi untuk pertahankan Islam.

Guna sumber Kristian untuk pertahankan Islam (Deedat selalu guna).

Guna sumber Syiah untuk pertahankan Sunnah? (yang ini Keymal Heydari, seorang tokoh Syiah selalu guna).

Guna sumber Atheis - Agnostik, untuk pertahankan Theis (Kepercayaan Bertuhan).

Aku tak ada masa nak kafirkan orang, jadi aku nak belajar semua benda sepanjang hidup aku.

Aku anti universiti. Dan anti banyak lepasan Islamic Studies. Bagi aku kebanyakan lepasan Islamic Studies sangat malas.

Jadi di Facebook dan di mana-mana sahaja 'sesi melepak' aku mencuba mewujudkan 'universiti' menurut kefahaman aku sendiri.

Aku orang Islam juga. Jadi aku mencuba mengesyorkan bagaimana seharusnya kita orang Islam berinteraksi di dunia fana ini tanpa terpisah dari hubungan dengan Tuhan, Sang Pencipta.

Benz Ali

Jumaat, Isnin dan Khamis, 3 hari ni sesuai sangat digunakan untuk mentarbiyah diri sendiri dengan amalan-amalan keagamaan, mendengar perbincangan keagamaan, mendalami pengetahuan agama, berfikir tentang agama, amalan-amalan ibadat disemak semula, sejauh mana amalan ibadat kita, semakin berkualiti atau macam mana.

Empat hari selain itu, adalah digunakan untuk memahami manusia, berhubung dengan manusia lain, membaca bahan-bahan selain agama, menonton filem, memahirkan diri dengan sesuatu subjek non agama dan lain-lain.

Kalau semua orang Islam berusaha memahami agamanya, nescaya makin berkuranglah kerosakan yang dilakukan oleh orang Islam, terutama dari kalangan umara' dan ulamak.

Kalau manusia boleh mencapai Tuhan/Kebaikan/ Kebahagiaan tanpa memerlukan perantaraan agama, maka apa perlunya lagi mereka kepada Islam?

Hari ini orang Islam pun sangat problem, bagaimana kita nak suruh orang Eropah - Amerika dan mana-mana negara maju lain untuk masuk Islam? Sedangkan Islam sangat comot sekali saat ini, sangat selekeh saat ini, dikotorkan oleh umat Islam sendiri?

Dan sebab itu, aku sering bertanya, kamu nak suruh orang ramai berbondong-bondong menyertai Islam,

Benz Ali

nak suruh orang Amerika masuk Islam beramai-ramai, tetapi kamu nak suruh mereka masuk Islam versi apa? Sunnah atau Syiah? Atau Ala Uthmaniyah? Atau Abbasiyah? Atau Umayyah? Atau Khulafa ur Rasyidiin? Sedangkan kekacauan telah mulai berlaku pada 6 tahun terakhir pemerintahan Uthman, seorang sahabat Nabi SAW.

Aku pegang dua azimat ini,

'Lakum dinukum wa liyadin'

'La ikraha fid din'

dan aku tak berminat dengan sentimen 'mengajak orang beramai-ramai masuk Islam dan menggelapkan warna-warna hitam yang telah berlaku dalam sejarah umat Islam.

DAVID TEO MENJAHANAMKAN FILEM MELAYU

P.Ramlee bagi aku, sosok seni, yang telah melahirkan gagasan kritik sosialnya melalui filem-filem yang dibikinya. Walaupun di penghujung hayatnya, beliau semacam tidak dihargai, tetapi Malaysia akhirnya mengangkat beliau sebagai seniman negara selepas kematiannya.

Masuk ke tahun-tahun Millineum, muncul sosok-sosok pembikin filem (yang kita tak pasti, apa visi

sebenarnya mereka) yang menghasilkan filem demi filem, tetapi entah untuk apa. Jika ditanya, pasti mereka memberitahu kita, semata hiburan, semata demi wang. Selain itu? Aku tidak nampak.

David Teoh, antara seorang lelaki berbangsa Cina yang sering menghasilkan filem-filem naif, filem-filem yang memaparkan kebodohan bangsa Melayu, tanpa (bangsa Melayu) penonton itu sedari. Banyak filem yang melalui tangannya (Metrowealth) tidak berguna dan hanya untuk kepentingan poketnya semata-mata. Kemungkinan Syukur 21 (Filem Islamis Futuristik) itu mendatangkan kutipan yang rendah, menyebabkan beliau lebih tertarik untuk menghasilkan filem-filem hedonis yang berskala rendah pemikiran. Aku juga menonton filem hedonis Hollywood, tetapi filem-filem hedonis Melayu, sangat teruk dan buruk sekali. Itupun ada juga orang Melayu yang sanggup beratur untuk menonton.

Terbaru, aku merasakan filem-filem Malaysia sekarang berdepan dengan masalah sosio - ekonomi yang mendesak, menyebabkan kita sekarang hampir tidak membaca atau mendengar lagi di mana-mana (di akhbar, di radio, di TV) kutipan-kutipan RM pecah panggung (BOX OFFICE) untuk mana-mana filem

Melayu seperti 2 - 3 tahun sebelum ini. Aku merasakan, filem-filem Melayu sekarang, berdepan dengan zaman kejatuhan.

Filem anak Yusof Haslam (KL GANGSTER 2) pun telah disabotaj. Dan aku pun No Komen tentang boleh ataupun tidak boleh cetak rompak. Bagi aku, masing-masing orang punya hujah argumen masing-masing. Yang paling penting, saat ini wajib disedari, filem-filem Melayu yang selama ini disubsidi dengan bantuan kerajaan, sedang berdepan dengan mentaliti subsidi.

David Teo kemudian, mungkin besar, melihat akhir-akhir ini minat orang kepada 'Televangelist Muslim' semakin mencanak-canak naik, membuak-buak, menyebabkan dia tertarik untuk menggabungkan, antara faham Komersialisme yang dia anuti + 'Televangelist Muslim'.

Aku tak kata salah. Dan aku tak kata betul.

Melalui filem "Ustaz, Mu Tunggu Aku Datang", Ustaz Azhar Idrus antara sosok besar yang dibawa masuk ke dalam filem pop sebegini.

Persoalan aku, cuma nak tanya beberapa benda,

Benz Ali

1. "Adakah kuliah-kuliah Ustaz Azhar Idrus, menyebabkan kita menjadi semakin cerdik?"
2. "Adakah filem-filem David Teo, menyebabkan kita menjadi semakin cerdik?"

Sila jawab, sementara aku hanya memberikan suatu kesimpulan, tentang hal ini,

"dua-dua sosok ini hanya mengetengahkan suatu hiburan kepada manusia yang mendahagakan Iman, dan hiburan."

Kedua-dua mereka memang berpotensi menyebabkan kita sentiasa kehausan iman dan kering kontang pada pemikiran. Kita tidak akan bertambah cerdik, setiap kali menonton mereka. Yang aku pasti, setiap kita yang keluar dari pawagam selepas menonton filem David, akan ketawa lucu. Dan yang keluar dari Masjid mendengar ceramah Ustaz Azhar Idrus, pun akan ketawa.

MAKANAN MURAH & AGAMAWAN

Aku merasakan agamawan sepatutnya berpartisipasi secara serius dalam keberjatan ekonomi umat. Terutama di Malaysia, mereka tidak patut duduk bertenggek pada status quo jabatan – jabatan agama dan kemapanan (establishment) kondisi ekonomi yang gian menekan.

Makanan sekarang semakin mahal, akibat kenaikan harga minyak. Belum berminat mahu mengulas faham

Benz Ali

jabariyah yang diusung Ustaz Fathul Bari tentang naik minyak adalah ketentuan Tuhan, apakah agamawan – agamawan Cuma redha sahaja? Apakah yang agamawan – agamawan boleh melakukan untuk mereduksi (mengurangkan) ketegangan yang akan menegang sedikit masa lagi?

Apakah campur tangan agama pada makanan, Cuma sekitar tetek bengek halal – haram, babi dan alcohol? Apakah Cuma itu?

Tidakkah ada agamawan – agamawan yang berfikir untuk memerah idea dengan rakyat (kolektif) atau mana – mana usahawan (individu / bisnesman) untuk menghasilkan makanan – makanan berkualiti yang murah?

Ada tidak agamawan – agamawan yang berfikir, selain membuka ma'had tahfiz, dia berfikir untuk membeli tanah dan menanam sayur – sayuran sendiri, atau menternak ayam, lembu dan kambing dan dijual dengan harga murah?

Kenapa agamawan – agamawan Cuma berfikir untuk tembolok perut masing – masing?

Sedangkan dengan populariti plus pengaruh yang mereka miliki, mereka boleh mengusakan kegiatan ekonomi agraria secara komunal dan, mengurangkan kebergantungan terhadap sistem ekonomi yang dipegang pemerintah..

Let say, bawang yang dihasilkan oleh agamawan - agamawan, lebih murah dan berkualiti dari yang dihasilkan oleh penanam - penanam yang bergantung pada turun naik ekonomi negara. Bukankah ianya lebih baik?

Benz Ali

CHIN PENG, ABU MAYAT DAN ORANG BODOH

Perangai bodoh sombong orang Malaysia (terutama sekali orang Melayu - Islam), tak nak bercakap dengan orang yang takutkan abu mayat, (itu pun takut) tetapi nak bercakap tentang betapa buruknya cara kita memperlakukan sejarah kita dan orang-orang yang cerdik dalam negara kita.

Sejarah adalah medan, untuk kita belajar, untuk kita memetik ibrah, dan mencipta sejarah-sejarah yang

Benz Ali

baru pula. Sejarah bukan sepatutnya cuma ruang untuk bernostalgia, bermelankolik dan romantism sia-sia.

Sepatutnya, orang-orang veteran seperti Chin Peng telah lama dibawa balik ke Malaysia, mungkin kalau sangat takut dengan pengaruh beliau, kenakan sahaja beliau tahanan rumah, tetapi ilmunya, serta pengalaman-pengalamannya kita kena perah untuk umat kemudian belajar.

Dalam tahanan rumah itu, Chin Peng dibenarkan menulis, menjadikan rumahnya itu sebagai tempat untuk anak-anak muda datang merujuk, bertanyakan pengalaman-pengalaman lama dan sebagainya.

Orang itu sudah sangat tua dan kita sangat tidak berhati perut, mendera fizikal beliau, bahkan mendera emosi dan nurani beliau, sampai dia mati pun, kita tak izin dia menjejakkan abu nya ke tanahair.

Apakah semua orang tua, orang lama, yang ada beza ideologi dengan kita, akan kita usir jauh-jauh tanpa mahu belajar dari mereka?

*Ironinya, kita menjalin hubungan dengan Amerika yang ganas membunuh manusia dan Negara Komunis

seperti China. (Jadi, takda isu kekejaman Chin Peng atau PKM ke apa. Mereka adalah sebagian dari sejarah Malaysia).

Benz Ali

Okey ini soalan pelik (nak kafirkan aku pun tidak mengapa, hanya Tuhan yang tahu iman yang mendarah dalam dagingku).

Aku mengatakan bahawa, kerja semua umat manusia, adalah bertugas mencari kebenaran. Ini kerja paling asasi dalam kehidupan seorang insan. Siapa jua, di mana jua, mencarilah kebenaran adalah tugasnya yang tak boleh terpisahkan langsung dari dirinya.

Maka mencarilah manusia itu kebenaran demi kebenaran, laksana jiwa-jiwa seperti Salman, jiwa-jiwa

Benz Ali

seperti Ibrahim, jiwa-jiwa seperti Siddharta.

Maka semua manusia itu diberikan kepada mereka, akal, bukan iman. Diulang sekali lagi, setiap manusia diberikan kepada mereka, akal, bukan iman. Iman adalah hasil selepas pencarian, tetapi akal, itulah sebuah 'cip' yang ditaruh Tuhan kepada setiap insan. Akal juga menjadi batas pembeza antara haiwan dan insan.

Maka atas sebab itu juga, aku sangat hairan sama sekali bila mana kita menyuruh Amerika atau lain-lain daulah, untuk tunduk kepada Islam (agama orang Muslim). Seolah-olah, dengan menjadi orang Islam, maka akan selesailah segala bana masalah di dunia ini. Seolah-olah, dengan mengucap Dua Kalimat Syahadat, maka semua dunia akan kembali aman dan hancurlah senjata-senjata api tiba - tiba.

Kalaulah semudah itu, atau dengan menjadi beriman (yakni seperti yang difahami mainstream, dengan mengucap Dua Kalimat) maka, bukankah lebih baik Tuhan menjadikan 'cip' bernama Iman ke dalam diri setiap kita? Maka dengan itu bukankah keadaan akan menjadi lebih baik?

Tetapi tidak begitu. Tuhan menciptakan pada kita semua, akal. Yakni dengan 'cip' bernama akal ini lah kita berfikir, dengan 'cip' bernama akal inilah kita memberontak, dengan 'cip' bernama akal inilah kita melawan, sampai tahap, dengan 'cip' bernama akal inilah kita menolak keeksistensian Tuhan.

Aku melihat bahawasanya, tidak lain dan tidak bukan, bahwa Tuhan menjadikan beserta kejadian manusia ini adalah akal, untuk manusia berfikir. Sama ada beriman atau tidak, itu masalah hidayah. Jika mereka belum bergerak hati mereka untuk beriman kepada Tuhan, kau nak marah kenapa?

Benz Ali

PERSOALAN MENARIK PETANG AHAD

Salam Benz.

Nak tanya sikit bleh? Nak tanya pendapat dan kefahaman kau tentang budaya Islamisasi dan Arabisasi. Sebab yang aku faham Islamisasi ini macam apa yang diamalkan oleh Nabi alias sunnah Nabi. Cuma contohnya pemakaian jubah, serban dan janggut itu ialah sebahagian dari budaya Arabisasi yang wujud sebelum Nabi lagi. Sebab kalau kita tengok Nabi

Benz Ali

hidup di Tanah Arab dan sebelum kedatangan Nabi, masyarakat Arab sudahpun hidup dengan budaya ini (jubah dan serban) dan disebabkan Nabi tinggal di Tanah Arab, Nabi juga memakai jubah dan serban (betulkan aku kalau aku silap). Dan apabila Nabi juga memakai jubah dan serban, apakah ini juga sebahagian sunnah dan Islamisasi? Aku sedikit confuse di sini. Mohon pencerahan, Benz...

Jawapan.

Salam An Nasaie.

Apa khabar, lama tidak mendengar khabar? Menarik persoalan kau itu. Aku setuju sepenuhnya, kita seperti mendewa - dewakan sangat bangsa Arab dan bangsa Arab pula sangat mendewa-dewakan diri mereka di kalangan bangsa lain, seperti apa yang pernah Bani Israel menganggap diri mereka, satu masa dulu.

Sejujurnya, inilah dilema yang kita sedang alami. Kita terbeban dan terpikul dengan pahitnya 'Arab' ini.

Segala petaka, bahana dan dosa yang dipikul oleh bangsa Arab, kita juga yang terpaksa menanggungnya. Buruknya orang Arab, kita juga terpaksa menerimanya.

Terpaksa menanggungnya. Terpaksa menjawabnya. Sedangkan kita cuma mahu beragama Islam, bukan mahu beragama Arab. Kenapa orang Arab yang buat masalah, kita pula yang terpaksa sama-sama menanggung malapetakanya?

Jadi berbalik semula kepada persoalan kau sebentar tadi, inilah dilema yang kita hadapi.

Sebenarnya Islam itu apa?

Agama orang Arab kah? Atau apa? Agama manusia kah, atau agama orang Arab? Sekumpulan adat ritual mistik orang Arab yang tidak pagan?

Benz Ali

Kalau tidak ada Yahudi, tidak akan ada Ustaz Azhar Idrus. Kalau tidak ada si kafir - si kafir yang mencipta internet, Google, Youtube, Facebook dan sebagainya, jangan perasalah ustaz-ustaz kamu, akan jadi Pop.

Berterima kasihlah kepada Yahudi, yang menciptakan segala macam hal ini. Jangan dok lebat sangat memusuhi Yahudi dan melaknat orang tak tentu pasal. Doakan pada Tuhan bahawa tunjukkanlah pada semua umat manusia jalan kebenaran, adalah lebih bernas, budiman dan kemanusiaan.

Benz Ali

*Islam hari ini tersebar dengan perantaraan orang - orang Yahudi - Amerika. Kalau tak ada Yahudi - Amerika, ataupun Bill Gates yang 'kafir' itu, yang mencipta Microsoft Word, bagaimana kau nak menulis apa-apa dalam komputer (komputer pun orang kafir buat. Orang Islam buat apa?) Kau? Kau nak buat minit mesyuarat usrah pun, perlukan Microsoft yang dibuat oleh orang-orang kafir..

Bagaimana kamu boleh senang-senang hati, mengkafirkan mereka-mereka yang telah memudahkan kamu berdakwah?

Maggie adalah makanan murah (kalau kerap jejas kesihatan, itu kita tolak tepi dulu).

Dalam kos sara hidup yang semakin meningkat dewasa ini, agamawan hampir tidak berguna langsung.

Agamawan seperti tiada berguna apa-apa.

Sama ada mau memimpin pemogokan massa melawan 'ketetapan Tuhan' atau menghasilkan makanan-makanan murah (barang-barang murah) untuk umat. Pengusaha (baca: pemodal) sentiasa kreatif dan tangkas

Benz Ali

dalam kemelut ekonomi sebegini. Kemelut ekonomi, adalah ruang kerja siapa yang pandai mencari peluang dalam Kapitalisme.

Agamawan memang tidak berguna. Cuma menjadi rubber stamp. Dan orang miskin memang tiada tempat langsung di hati mereka.

Agamawan tidak berguna untuk mewujudkan sebuah pergerakan ekonomi sekalipun, untuk menghasilkan barang keperluan yang murah dan berkualiti ataupun memimpin pergerakan secara serius melawan kenaikan harga barang.

Antara ulamak dan Mee Maggie, Mee Maggie lebih menyelerakan.

USRAH BUKU

Aku mencadangkan style usrah dimajukan ke dalam bentuk yang lebih progresif dan tidak jumud lagi beku.

Maka aku mencadangkan, 'usrah buku'. Letak tepi dulu soal nama. Boleh namakan apa sahaja, yang paling penting, konsep.

'Usrah buku' yang aku maksudkan ialah dengan serius

Benz Ali

kita menekuni satu persatu buku sepertimana budak-budak pondok menekuni kitab-kitab mereka, seperti Munyatul Musolli, Faridatul Faraidh dan sebagainya.

Ambil satu buku dan kupas sehingga lunyai. Masa adalah sekurang-kurangnya, 3 - 4 jam. Bezanya dengan 'bedah buku', ialah 'bedah buku' masanya sangat singkat sekali dan seperti cuma mahu menghabiskan masa dan tidak begitu memuaskan semua khalayak. Sekurang-kurangnya, sebuah buku kita berjaya kunyah dengan baik untuk satu bulan. Berharap dalam sebulan, habis sebuah buku kita kunyahkan melalui 'usrah buku' ini.

Jadi, sekurang-kurangnya, 12 bulan, habislah sudah 12 buku, kita kunyahkan. Katalah ada 10 orang 'peserta usrah buku'. 10 orang itu diminta baca Prologomena Attas. Tiba hari 'usrah buku', setiap orang diberi masa, 30 minit ke 45 minit untuk membentangkan apa yang telah dikunyahnya tentang Prologomena (mesti telah menetapkan sekurang-kurangnya 10 hari untuk mereka balik dan studi membacanya). Dan setiap orang mewakili 'angle' masing - masing. Bukankah kita akan dapat 10 sudut pandangan?

Dan sekiranya buat dua minggu sekali pun (ini adalah

sekurang-kurangnya, jika buat lebih kurang dari tempoh ini, dibimbangi tidak membuahkan kesan). Dan soal jawab tentang sesebuah buku buat pada minggu kedua.

Aku melihat antara sosok yang aku berminat nak ber'usrah buku' adalah seperti Tuan Rosli Ibrahim, Dr. Faisal Tehrani dan Dr. Alinor (intelektuelisme di Malaya sangat sikit sekali).

Nak tiru bulat-bulat macam stail pondok, boleh. Bukan tidak boleh, tetapi takut seperti tiada relasi dengan umat dan kaedah mereka sangat lambat untuk mereka praktik (ataupun ilmu yang mereka belajar sekadar ritual, bukan muamalat, yang menyebabkan mereka tidak tahu nak praktik apa berdasarkan ilmu yang mereka pelajari).

Bolehlah kita nak baca dari kulit ke kulit, tetapi eloknya, itu dilakukan secara fardi (secara sendiri di lain masa) sementara kaedah 'usrah buku' sebegini adalah kombinasi antara 'bedah buku' yang selalu itu + kaedah pondok.

Benz Ali

Semalam berfikir. (Ya, Inshaallah, ramai Islamis akan mengatakan Si Kafir ini mahu murtad pula).

Muhammad saw bolehlah beriman, sebab Baginda didatangi Malaikat.

Jesus bolehlah beriman, sebab Baginda didatangi Malaikat.

Moses bolehlah beriman, sebab Baginda didatangi Malaikat.

Benz Ali

Masalah yang berlaku ataupun polemik - konflik yang berlaku hari ini, kenapa seseorang itu tidak beriman, kerana mereka tidak didatangi Malaikat. Mereka tidak mampu melihat benda Ghaibiyat (alam ghaib, dunia paranormal).

Aku rasa, kalau semua orang boleh jumpa Malaikat, atau jin (seperti Yagami Raito dalam Death Note sebagai Mithal) tentu semua orang beriman dan Karl Marx sendiri pun tidak akan menulis agama itu candu.

Oh, manusia yang lain, kena 'dipaksakan' beriman itu, beriman ini. Sedangkan ada sesetengah manusia tertentu, diberikan anugerah melihat itu, melihat ini..

Aku tidak menentang keistimewaan yang diberikan kepada sesetengah tertentu untuk melihat dunia atau sebagian isi dunia satu lagi, seperti Malaikat atau jin (mahluk-mahluk paranormal). Cuma aku meluat dengan orang-orang Islam, yang mengeji orang - orang lain yang tidak beriman.

Lslamis ini kalau malas membaca sangat pun, akhlak kena paling hebatlah, etika, maksud aku atau moral. Atau apa apa sahaja yang sejenis dengan akhlak.

Dan bagi aku, Syari'ati sebenarnya seorang Calvin Muslim. (Calvin adalah seorang lagi tokoh Kristian Protest, jadi jika Syari'ati, pastilah dia seorang Muslim Protest) dalam karyanya jelas, jika dia masih hidup, dia akan menentang sebarang autoritarian Muslim. Jadi keadilan yang hendak disuguhkan beliau, adalah berbentuk etika, bukan pemaksaan.

Benz Ali

Maka Islamis, akhlak mereka patut lebih hebat dari akhlak aliran lain,\ ataupun bertandingleh akhlak mereka dengan kalangan Buddhist atau lebih hebat daripada Tabligh.. Bu'istu liutammima makarimal akhlaq, aku tidak tahu, apakah Islamis benar - benar memahaminya? Aku tidak tahu..

Jadi, bila akhlak itu sudah bersalut dengan Iman mereka, sudah tentulah mereka tidak akan tega melihat kemiskinan, penindasan, buta huruf, kekejaman dan kezaliman bermaharajalela dalam kawasan masyarakat Muslim. Pastilah etika itu akan membawa mereka melawan sebarang bentuk kejahatan tersebut.

Jika mereka mewujudkan sebuah pergerakan, parti atau apa sahaja, pastilah etika itu yang diusung mereka ke mana sahaja. Akhlak orang Islamis sewajibnya sepertimana Nabi SAW, bukan seperti hampir seluruh kebanyakan kaum Muslimin yang sangat reaksioner.

Kalau orang murtad, orang tidak sembahyang, orang berkonsert, mereka menyalak nyalak seperti anjing tetapi jika ada orang lapar, mereka membiarkan orang-orang lapar terlantar. Apakah ini Islam?

Jika kamu malas sangat membaca, malas sangat nak

berkawan dengan orang lain, akhlak kamu, sewajibnya lebih baik dari orang lain..

“Ku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak,” kata Nabi SAW.

Benz Ali

Aku sebagai bukan mahasiswa mewakili Sekolah Pemikiran Syatibi, merasa agak kecewa dengan standard mahasiswa hari ini, terutamanya Universiti Malaya (UM) yang sepatutnya debat-debat mereka bukan debat-debat yang kekanak-kanakan.

Mereka seperti tiada idea apa-apa untuk disuguhkan kepada massa. Seperti lompong kosong, seperti ruang yang tidak berguna. Aku pun tidak tahu ilmu apa yang mereka belajar selama ini. Apakah mereka akan berfaedah kepada rakyat jelata yang semakin hari semakin susah? Apa? Demo? Itu sahaja cara

Benz Ali

penyelesaian?

Sangat mengecewakan sebenarnya jika kualiti mahasiswa sekarang sangat merosot. Sangat memalukan jika mereka sekadar proksi, sekadar alat oportunis politik.

Bagaimana kau nak melakukan perubahan dari dalam jika kau tidak membaca apa-apa? Usrah yang sangat kabur, tidak jelas silibusnya dan gerakan Islamnya yang tidak menulis apa-apa? Kita boleh tahu mereka ini tidak membaca apa-apa kalau mereka ini memang tidak menulis apa-apa.. Tidak semestinya buku. Blog kan percuma? Ada atau tidak gerakan massa mahasiswa yang serius menulis? UTAM kita tolak tepi dulu. UTAM tidak mewakili majoriti mahasiswa sekarang.

Aku rasa sedih dan kecewa sebenarnya, serta sinis sekali. Bagaimana kau nak merubah opini umum kalau pergerakan kau sendiri pun sangat pemalas sekali? Sedangkan dunia di luar dari kandang universiti, secara teoritikal dan praktikalnya sangat jitu sampai tidak mampu dikawal oleh regim.

Kau merungut tentang universiti sekalipun, adakah kau berani menentang dekan kau sendiri? Beranikah kau

mencabar jawapan-jawapan yang diberikan pensyarah kau?

Kau tidak serius. Kau sangat main-main dalam pergerakan. Pergerakan mahasiswa akhirnya menjadi suatu transisi pembuangan masa secara sia-sia, sedangkan masyarakat-rakyat di luar semakin hari semakin bingung. Diskusi orang marhaen di luar tampaknya lebih membumi dan merakyat jika dibandingkan dengan mahasiswa- mahasiswa hari ini.

Universiti setiap hari setiap masa semakin membodohkan rakyat universitinya sahaja. Diciptakan dua puak untuk saling bertelingkah, yang sepatutnya tak payah nak bertelingkah.

Mereka sepatutnya berfikir bagaimana nak menyelesaikan permasalahan-permasalahan massa di luar universiti, yang telah dicukaikan duit mereka untuk membina kemudahan-kemudahan pembelajaran universiti. Rakyat semakin jauh dan tersisih, sementara mahasiswa-mahasiswa cuma fikir untuk menjadi kerbau.

Benz Ali

Berfikir ini penting, kerana bagiku, daripada pemikiranlah menuju pemberontakan. Jika sekadar kelaparan, pemberontakan itu tidak akan lama, akan cepat habis. Akan mati.

Sebab itu kita kena berfikir setiap hari, akan kemungkinan demi kemungkinan yang akan berlaku. Kerana berfikir itu, tanda kewujudan seseorang insan. Hanya berfikir yang membezakan insan dan hewan. (Sesiapa yang mengatakan lembu juga berfikir, tulisan ini tidak valid untuk kamu).

Farish Noor dalam sebuah bukunya bercerita tentang kisahnya, bahawa dia pernah bertanya kepada gurunya, Sang Ustaz, akan bagaimanakah nasib seorang yang tinggal terpencil di pulau, yang kehidupannya seperti Tarzan yang terpisah dengan dunia sekeliling. Bagaimanakah nasibnya di kemudian hari, di hari kebangkitan sebagai mithal?

Jawapan yang diterima dari Sang Ustaz itu seperti biasa, klise dan mengecewakan.

Aku berfikir, meneruskan analogi tersebut, bagaimana jika ada pada hari ini manusia-manusia yang 'tidak beriman' tetapi kehidupan mereka lebih baik daripada kehidupan orang-orang Islam, apakah mereka juga akan diazab dengan azab daripada Tuhan? Sedangkan orang-orang Islam, sentiasa meratib-ratib, bahawa hidayah adalah milik Allah. Maka apakah manusia-manusia yang tidak beriman tadi akan diazab?

Tuhan orang Islam, digambarkan sangat eksklusif. Seolah-olah Tuhan hanya milik orang Islam sahaja. Seolah-olah Tuhan hanya menguruskan kehidupan yang beriman sahaja. Yang tidak beriman diabaikan.

Dan aku, menolak konsep Tuhan yang semacam itu.

Tuhan, bagiku, kasihnya meliputi yang ada di langit dan di bumi. Aku menolak konsep bahawa Tuhan cuma menjaga orang-orang Palestin dan membiarkan orang-orang Israel. Bahkan Yahudi itu juga makhluknya Tuhan.

Tuhan juga sayang pada makhluknya yang Atheis.

Benz Ali

ANTARA SYARI'ATI - KHOMEINI

Tidak ada sarjana-sarjana di Malaysia khususnya yang mengambil pengajian Islam, untuk mengkritik Syari'atiah, Muttaharikah ataupun Khomeinikah. Semuanya sekadar menjadi burung kakak tua kepada guru-guru mereka yang sememangnya antikan Syiah. Hampir tidak ada karya-karya yang bagus, yang dihasilkan oleh mengkritik Khomeini, seolah-olah wacana Sunnah - Syiah cuma sebatas pada perang saudara di padang pasir yang berlaku ratusan tahun

lampau. Cuma sekadar itu. Seolah-olah Syiah ini sangat jumud seperti Sunnah, yang tidak ada apa-apa karya moden, selain sosok-sosok Mesir seperti Qardhawi dan silibus-silibus Ikhwan yang gagal.

Sedangkan dunia Syiah telah berkembang lebih 1000 kali lebih dahsyat daripada dunia Sunnah yang telah lama didekamkan dalam penjara kebodohan, kedunguan dan kemalasan berfikir, pintu ijtihad yang tertutup, kekorupan penguasa yang dibenarkan oleh ulamak-ulamak pencinta dunia yang kaki ampu bersujud pada penguasa, yang akhirnya pengetahuan Sunnah, sekadar kosong, defensif dan berharap kepada kekasyafan tok wali dan tok wala.

Seakan dunia Sunnah seperti pekak dan buta terhadap apa yang telah berlaku di Iran 1979 yang telah membangkitkan jiwa-jiwa Syiah Iran untuk melawan regim raksasa yang memijak mereka selama ini. Syiah nyatanya bukan sebuah klan romantisme kosong, dengan keberanian mereka, lahirnya kumpulan militan radikal yang berani lagi teguh bercita-cita utuh, iaitu Amal dan Hezbollah, bahkan menghasilkan nuklear bukan meruntuhkan seperti Taliban, Al-Qaeda atau regim perosak seperti Pakistan, Sudan apatah lagi Saudi, yang menjadi telaga minyak bagi Amerika.

Sangatlah karut sama sekali bila ada mana-mana agamawan mengatakan bahawa, "Kini sudahlah sampai kita melihat kepada Arab Spring, yang selama ini kita terpegun dengan Revolusi Iran."

Adapun Arab Spring, sangatlah memalukan. Ternyata dunia Sunnah sangat bobrok sekali dan brengsek. Kebangkitan-kebangkitan yang hampa sekali, kerana pemberontakan yang tiada isi dan kosong serta tidak berguna sama sekali.

Benz Ali

Kalau dunia ini kiamat esok, maka Islam ini memang bermasalah.

Aku percaya Islam itu adalah penyelesaian, tetapi bukan semata-mata slogan.

Kalau dunia ini kiamat esok, apakah masalah-masalah umat manusia moden yang telah diselesaikan oleh Islam? Sedangkan pemerintahan-pemerintahan regim dunia Islam, masih bertaraf celaka. Jadi di manakah penyelesaian-penyelesaian yang dijanjikan di dalam Islam?

Benz Ali

Jadi, aku percaya, sebagai seorang Muslim, kiamat itu lambat lagi. Lambat sangat. Dan umat manusia kena berjuang sehabisnya untuk membuktikan kebenaran yang mereka percaya.

Dan aku agak skeptik dengan Dajal dan bla bla bla. Untuk orang Islam Sunnah pula, lagilah hancur. Mereka katanya mempercayai Isa/Jesus AS akan turun ke mukabumi. Tetapi mereka sangat pemalas sekali berbanding saudara-saudara Syiah yang telah menyediakan nuklear. Sekurang-kurangnya, tak adalah kalau Imam Mahdi Syiah datang nanti, nak lawan Amerika dengan kuda dan pedang.

Orang Islam sangat teruk sekali. Kalau + melayu, bertambah teruk. + Sunnah, lagi teruk. Teruk kuasa tiga.

Iman sekadar buih. Iman yang lucu. Iman jenakawan. Iman yang tidak mendorong pemikiran. Iman yang tidak mendorong pemberontakan. Iman yang tidak ada masa depan.

Percaya kepada Kiamat ya.

Tapi kalau kau masuk ke dalam wacana dengan orang bukan Islam, bagaimana kau nak bawakan Hadis - Quran kau? Kenapakah otak Islamis sangat miskin sekali dalam berhujah? Sikit-sikit Quran, sikit-sikit Qur'an, sikit-sikit Hadis, sikit-sikit Hadis. Selain itu? Islamis sangat naif sekali dalam berhujah.

Bagaimana kau nak meyakinkan orang lain untuk menerima hujah kau, jika orang lain tidak percayakan sumber rujukan kau? Maka mestilah berhujah, berdebat

Benz Ali

sesuai dengan apa yang orang itu dan kau, sama-sama setuju; Logik akal rasionallah, yang kau akan sama-sama sepakat.

Sebab itu aku menyuruh orang Islam, berfikir dengan meletakkan Quran di luar. Lainlah kau nak berdebat dengan orang Islam. Kalau untuk tujuan itu, ya, boleh pakai, kerana orang Islam ini wajib percaya pada Quran. Itu jelas. Kalau kau tidak percaya pada Quran, bagaimana kau boleh kata kau seorang Islam (Muslim)?

Tapi aku menyuruh untuk Quran yang diletakkan di luar tadi, adalah untuk kau berdebat dengan orang-orang yang tidak mempercayai Quran. Itu saja. Kepada sesiapa yang tidak mempercayai Quran, bagaimana kau nak berdebat dengan mereka? Seperti kau tidak mempercayai Bible, bagaimana Paderi Kristian nak berdebat dengan kau dengan menggunakan Bible? Sesuatu itu mestilah dipercayai dulu, untuk kau berdebat tentang apa yang terkandung di dalamnya (isinya). Melainkan kau nak berdebat tentang kebenaran (keotentikan, keaslian) sesuatu sumber itu, barulah kita cerita lain.

Jadi Islam akan menjadi sebuah ajaran yang bermasalah, kalau esok Kiamat dan Islam belum

mampu menyelesaikan masalah umat manusia. Macam mana? Bagaimana esok Kiamat dan permasalahan umat manusia belum selesai-selesai lagi? Islam dah ada pun di hadapan kita, Quran dan Hadis bla bla bla... Tetapi Islam masih belum berjaya tertegak di muka bumi dan orang hormat atau menjadikan Islam sebagai satu ajaran alternatif; untuk menyelesaikan permasalahan umat manusia. Ternyata tidak. Di dalam dunia Islam, masalah begitu banyak sekali. Bukan sahaja pada penguasa, bahkan pada majoriti rakyat beragama Islam, begitu buruk sekali tingkah laku mereka. Bagaimana Kiamat akan tiba sedangkan Islam sangat comot sekali?

Aku menyangsikan kebanyakan Hadis-hadis akhir zaman; tentang Dajal, Jesus AS akan turun ke bumi, kerana kebanyakannya Hadis- hadis Ahad ini sangat tidak jelas bagaimana keadaan Para Messiah itu akan turun ke muka bumi? Bagaimana mereka akan turun? Apa situasi zaman di masa itu?

Kita sangat dimitoskan selama ini dengan dongeng-dongeng Dajal. Entahkan ya, entahkan tidak ada 'raksasa' itu. Dan kita pula takut untuk mempersoalkan.

Benz Ali



Sikit-sikit Hadis itu, sikit-sikit Hadis ini. Tapi tak pernah nak berfikir. Sedangkan jelas Tuhan berikan kau akal, yang dengan akal itulah kau berfikir tentang Islam. Kalau kau tak ada akal, tak bergunalah agama ini untuk kau. Baik Tuhan hantar agama ini pada lembu dan beruk sahaja.”

Nampaknya orang-orang Islam di Facebook tidak mahu berfikir. Bagi mereka berfikir adalah malapetaka. Bagi mereka, berfikir adalah kerja Syaitan. Kalau kau berfikir mengatasi batas-batas normal, kau akan menjadi Dajal.

Ya, begitulah betapa rapuhnya pemikiran mereka diracun dogma menyebabkan mereka menjadi kayu dan plastik yang boleh dipatah-patahkan bila-bila masa.

Kau seolah-olah tidak boleh berdialog atau berdebat apa sahaja dengan orang Islam kerana pemikiran mereka telah terkatup rapat, telah dikunci dari dalam untuk memikirkan perkataan-perkataan yang kau usung.

Mereka berkata Tuhan itu benar, tetapi mereka begitu takut sekali bila Tuhan mereka nak dicabar. Mereka tidak boleh berhujah, mereka akan jadi emo, mereka akan pergi berdemo, kerana Iman mereka Iman exo (iman kulit, iman luaran) dan jadi bacul untuk mempertahankan dengan keyakinan, dengan hujah yang meyakinkan, hujah yang persuasif.

Awalnya mereka akan menggunakan logika untuk membuktikan, keberadaan Tuhan, eksistensinya Tuhan mereka, tentang Wujud dan sebagainya.

Tetapi bila kita mahu meneruskan logika mereka lebih lanjut, mereka menjadi aneh. Mereka menjadi pelik. Mereka menjari hairan.

“Oh, kita tak boleh fikir lebih-lebih, nanti kita sesat.”
Oh itu, oh ini...

Logika yang selektif sebegini sangat karut sekali. Bila orang bertanya tentang Dajal, tentang kiamat, mereka keliru pula untuk menceritakan.

Tanya tentang Tuhan tak boleh.

Tanya tentang Syurga Neraka tak boleh.

Tanya tentang Hari Kiamat tak boleh.

Tanya tentang azab kubur tak boleh.

Tanya tentang Dajal, Jesus AS yang Messiah pun tak boleh.

Apakah yang boleh difikirkan kalau menjadi seorang Islam, hah?

Benz Ali

Aku tertarik dengan Roger Garaudy, seorang aktivis Partai Komunis yang kemudian harinya memeluk Islam. Aku pernah membaca riwayatnya suatu masa dulu, tetapi aku tak tahu pula dia seorang aktivis Partai Komunis.

Garaudy menyatakan: "Datang ke Islam bagi saya tidak berarti saya menyangkal Jesus atau Marx. Saya sekarang telah menemukan titik yang selalu susah saya cari, yaitu titik di mana kreativiti artistik, aksi politik dan keimanan membentuk kesatuan yang sungguh-sungguh."

Benz Ali

Aku sangat teruja dengan sosok ini, seperti Misbach zaman moden yang lahir di Perancis sahaja gamaknya.

Agama menurut Garaudy adalah sebuah filsafat aksi, filsafat yang menjadikan upaya mengubah dunia sebagai tugas utamanya dan tidak berhenti pada proses memikir dan menafsir sahaja. Filsafat aksi adalah filsafat amal, perjuangan politik dan terus berpikir tentang kasus-kasus masyarakat untuk memecahkan berbagai problem yang ditimbulkan oleh kenyataan hidup.

Aku (walaupun tadi sembang-sembang dengan kawan-kawan, mengatakan entah bila zaman Anarkisme akan benar-benar muncul di Malaysia) tetap berpandangan, tidak mustahil zaman itu akan berlangsung di Malaysia ini.

Ketika mahkamah sudah tidak boleh dipercayai lagi. Orang belajar law untuk menjadi bisnesman (aku pelik betul). Orang belajar agama untuk mencari kerja. Harga rumah dan tanah semakin mahal. Upah kaum pekerja stagnan dan beku (ini faedah pasaran bebas?). Kebanjiran warga asing dan penduduk lokal banyak

Benz Ali

mengganggu. Universiti semakin mahal.

Masanya akan tiba, ketika semua orang boleh dapat senjata api dengan mudah, polis-polis yang korup akan diburu dan dibogelkan, ustaz-ustaz yang mengarut akan ditembak zakarnya dan masjid-masjid akan menjadi tempat untuk bersuluk dan tidak mengarut lagi, mahkamah-mahkamah akan dibakar atau dilempar cat merah dan sesiapa yang kerek akan dibakar hidup-hidup.

Zaman ini akan muncul di Malaysia, aku berfirasat, zaman Robin Hood moden, tatkala semua orang sudah pandai merebut hak mereka yang telah dirampas selama ini.

Bersedialah.

DARI JACK - KAWAN SAYA YANG MEMIMPIN
PERGERAKAN MARHAEN DI PASAR MALAM

Seorang lelaki pulang dari kerja maka anaknya mula memanggilnya "Ayah".

Jirannya terdengar dan merasa marah lalu berkata, "Bolehkah kamu suruh anak kamu jangan panggil kamu "Ayah"?"

Lelaki tersebut bertanya, "Kenapa?"

Benz Ali

Jirannya menjawab, “Kerana anak saya juga memanggil saya “Ayah” juga dan saya tidak mahu mereka terkeliru siapakah “Ayah” mereka yang sebenarnya lalu memanggil kamu sebagai ‘Ayah mereka’.

Lelaki tersebut menjawab, “Adakah kerana anak kamu tak kenal siapa “Ayah”nya maka dia akan terkeliru memanggil saya “Ayah” mereka lalu terlupa siapakah “Ayah” mereka yang sebenarnya? Kamu tidak mendidik anak kamu mengenali siapa “Ayah”nya yang sebenar, lalu kerana kegagalan kamu mendidik maka kamu halang anak saya dari panggil saya “Ayah” yang telah mereka panggil sejak sekian lama?”

Jirannya menjawab, “Aku tak peduli. Hanya anak aku sahaja yang boleh guna dan panggil aku “Ayah”.

CIRI - CIRI ORANG ANARKI DALAM ISU NAMA ALLAH

Kita tidak akan ambil port. Isu ini cuma buang masa.

- Iman bukan milik negeri sepatutnya. Iman adalah hal antara hamba dan Tuhan.
- Sama ada kamu fight mati-matian isu nama Allah, ia tidak selesaikan apa-apa.
- Orang-orang miskin, aku nasihatkan kamu jangan buang masa dengan isu ini.

Benz Ali

- Akhir sekali, banyak yang terlibat dalam isu ini, semuanya elit belaka.
- Elit-elit begini sangat jauh dari realiti sosial. Dan Go To Hell lah untuk mereka.

Satu pertanyaan:

“Kristian, kalau kau dapat guna nama Allah, kau nak buat apa?

Islam, sekarang kau dah dapat guna nama Allah, jadi, kau nak buat apa?”

Di Malaysia, agama adalah tempat paling seronok untuk membakar emosi rakyatnya. Dan pemimpin-pemimpin semakin ligat berebut hegemoni politik untuk ekonomi perut masing-masing.

Fuck.

Nama Tuhan sudah menjadi seperti seketul tulang yang diperebut-rebutkan oleh sekawanan anjing.

Aku berfikir, takkanlah nama sendiri pun, Tuhan tidak boleh mempertahankan? Sekiranya Tuhan itu wujud, pastilah namanya itu Dia sendiri akan pertahankan. Mungkin dia akan panah petir maka Herald atau Alkitab semua akan terbakar.

Tetapi tidak. Tuhan bukan bodoh seperti anjing-anjing itu.

Benz Ali

Ada lebih beratus juta makhluk Tuhan (alam dan manusia) yang lebih patut dipertahankan. Siapa yang nak melindungi mereka ini? Orang OKU, orang gelandangan, kanak-kanak buta huruf, orang-orang miskin yang kelaparan? Mereka yang hilang pekerjaan, rumah-rumah yang dimusnahkan oleh pihak berkuasa.

Aku tidak berjumpa satu sebab pun untuk aku mempedulikan nama Tuhan. Kerana Tuhan itu Maha Akbar, maka Dia sendiri bertanggungjawab melindungi namanya sendiri.

Poin aku mudah, umat manusia di bumi lebih wajib kau pertahankan mati-matian, daripada Tuhan yang bersemayam di Arasy.

Itupun kalau kau percaya kewujudan Tuhan.

Kawan serumahku diberhentikan kerja semalam. Habis kerja pukul 1 pagi, bos berhentikan dia.

Alasan mudah, "Sebab saya tidak suka awak lagi." Walhal member aku ini, seorang yang rajin (aku lagi malas). Dia tak pernah ponteng kerja; cuma dia tidak suka dikawal.

Dia Atheis (mungkin ini alasan paling tegap yang boleh aku fikirkan kenapa bos dia buang dia, mungkin bos dia takut kena panah petir) dan dia cuma bekerja sepertimana sepatutnya. Dia tidak pandai nak

Benz Ali

mengampu bos.

Aku cuma hairan. Engkau ini orang Islam. Mengapa engkau boleh buang orang tengah-tengah bulan? Nasib baik dia tiada anak bini. Kalau dia ada anak bini, kau inilah yang menyebabkan orang makin hilang percaya pada agama.

Aku tidak mahu pergi ke isu Melayu ataupun Islam sebenarnya. Aku mahu pergi ke isu pemodal atau dalam bahasa mudah, orang banyak duit. Sebab kau banyak duit dan dah ada ramai pekerja, kau berani buang budak ni (sebelum ni, tak ada pekerja, sebab tu tak berani buang orang).

Slip gaji pun tak ada, baguslah. Inilah pekerjaan dalam defenisi Islam. Dan semua orang buta pada hal yang berlaku sekeliling dan meraban-raban isu nama Tuhan. Tuhan tidak perlukan pertolongan kaulah, mangkok. Banyak lagi makhluk Tuhan yang perlu kau selamatkan.

Orang Islam sepatutnya lebih prihatin. Lebih manusiawi berbanding orang lain.

HANG AKAN MENGGUGAT ORANG LAIN, JIKA HANG LEBIH RAJIN DARI ORANG LAIN

Kita hanya akan lebih maju jika kita lebih rajin dari orang lain. Pemikiran-pemikiran akan lebih power jika kita lebih rajin. Kau akan menimbulkan gugatan kepada orang lain jika kau lebih rajin. Jika orang lain menulis 1000 patah kata, kau menulis lebih dari 1000 patah kata. Jika orang lain membaca 10 muka, kau membaca 20 muka.

Sesebuah gerakan akan mengancam kekuasaan, akan

Benz Ali

membuka mata yang lain-lain jika gerakan itu sangat rajin.

Kristian di Malaysia, Komunis di Malaysia, akan lebih menggugat sekiranya mereka lebih rajin daripada gerakan-gerakan lain. Sekiranya mereka rajin menulis, rajin membaca, rajin menterjemah selain rajin ke jalanan, mereka akan pergi lebih jauh daripada mana-mana gerakan di Malaysia. Mudahnya, kita kena menjadi sangat rajin.

Dalam Naruto, aku mengagumi watak Lee. Dia sangat rajin sekali walaupun dia tahu, dia tidak mempunyai kepakaran ilmu ninja yang lain. Kita akan pergi lebih jauh jika kita sangat rajin. Bermulalah dengan apa yang kamu ada. Jika kamu rajin kamu akan pergi lebih jauh mengatasi orang lain.

Aku tidak percaya pada kekuasaan boleh merubah (hanya Tuhan yang ada perkara itu, kerana makhluk-makhluk Tuhan, sentiasa bila-bila masa boleh dibolak-balikkan hati mereka).

Marilah kita mencabar, menggugat orang-orang lain, merubah massa dengan menjadi lebih rajin dari orang lain.

Soalan dari seorang kawan.

“Jadi agama seseorang ini hanya bersifat Geografi? Kalau aku lahir di Rome aku ni jadi Kristian. Kalau aku lahir di India mungkin jadi Hindu atau Sikh atau Buddhist.”

Bukan.

Agama tidak penting. Iman adalah cerita, Iman adalah naratif kau dengan Tuhan. Tiada kaitan dengan Geografi, zaman ataupun kerajaan. Iman tiada kaitan

Benz Ali

dengan itu semua.

Sekiranya kau percaya pada Islam, sila teruskan. Sekiranya kau percaya pada Kristian, sila teruskan. Tidak penting untuk mengubah kepercayaan seseorang itu. Yang penting kita mesti menjadi baik. Kalau ada orang boleh menjadi baik, tanpa memerlukan perantaraan agama, juga silakan.

Semua orang dipersilakan saling beragu - berdialog tentang kepercayaan masing-masing. Tetapi mestilah persoalan paling fundamental, adalah kezaliman - keadilan (iaitu persoalan menjadi baik tadi).

Kita mestilah menganggap bahawa kezaliman adalah suatu dosa yang paling akbar, melebihi keimanan yang berlainan. Seorang Kristian mestilah dianggap sebagai saudara melebihi seorang Muslim, pendosa yang merasuah.

Kerana Tuhan itu adalah pemilik kasih dan sayang. Mana mungkin Tuhan membiarkan seseorang itu masuk neraka semata-mata tidak berjumpa Islam.

Umat Islam menjadi kalah semenjak sekian lama kerana gagal untuk berfikir dan terbeban dengan feudalisme yang menjahanamkan pemikiran kita semenjak sekian lama. Kita tidak mampu untuk berfikir sendiri dan masih memerlukan orang lain untuk berfikir tentang masalah kita. Masalah kita adalah kita tidak mampu mencairkan sendiri dan kita lebih banyak menambah masalah daripada menyelesaikan masalah.

Umat manusia, khasnya umat Islam sekarang berdepan dengan dilema yang teruk sebenarnya akibat dua permasalahan besar iaitu naif dan ekstrimis. Ini

persoalan yang paling fundamental, paling asas bagi umat dunia ketiga, khasnya umat Islam.

Sekarang, kita bertelingkah panjang pula sekitar isu nama Allah, yang mana dua - tiga bulan ini, kita berada di Mesir dan di Syria. Tetapi mana isu itu pergi sekarang? Tidak, tidak ada lagi. Sangat karut sekali membincangkan sesuatu yang kita memang tidak boleh berbuat apa-apa melainkan cuma untuk meraih populariti yang murah. (Seperti kita menyibuk isu Rohingya. Apakah sekarang sudah berhenti pembantaian etnik dan semua warga Rohingya - bukan Rohingya sahaja ya yang tertindas - sudah boleh pulang ke kampung halaman? Atau mereka masih kekal menjadi orang-orang imigran? Dan apakah semua kesalahan itu cuma ditanggung oleh regim baru Myanmar? Apakah etnik Rohingya tidak mempunyai kesalahan, tidak mahu bergaul dengan etnik lain atau apa? Mengapakah terjadinya puncak perselisihan faham? Apakah semua orang di dunia ini mahu membunuh orang Islam? Apakah orang-orang Islam tidak pernah salah?)

Sepatutnya, ketika keadaan dah reda berbulan-bulan begini, barulah kita layak (selaku orang jauh, yang tidak tahu cerita sebenar) untuk mengoreksi semula

apa yang sebenarnya sedang berlaku. Hantar perwakilan, hantar ekspedisi untuk menyiasat apakah yang sebenarnya sedang berlaku di Mesir dan di Syria. Bukan menambah garam pada bahagian yang luka ketika perang masih kecamuk, ketika tiada siapa yang tahu siapa yang benar dan siapa yang salah.

Bagaimana kita boleh menerima perkhabaran - periwytan daripada Internet akan sesuatu berita itu? Ini bukan sejarah yang telah mati, yang pelaku-pelakunya memang sudah berkubur. Ini semuanya masih basah lagi, mereka semua masih hidup atau masih boleh disiasat. Internet bukan tempat untuk mendapatkan kesahihan berita sebenarnya. Semua berita ini masih bertaraf primer. Kita masih boleh menyiasat apakah yang sebenarnya sedang berlaku di sana. Hezbollah, FSA, Ikhwan, semua itu perlu disiasat. Bukan diterima bulat-bulat mereka jahat ataupun baik. Ketika berlaku peperangan, propaganda yang diperkuatkan dengan visual-visual memanglah menaikkan syahwat kita untuk bersentimen emosi. Tetapi apakah ianya benar? Kenapa tidak ada mahu menyiasat apakah benar ada budak-budak yang dibunuh oleh Regim Bashar?

(Seperti Riduan Mohd Noor yang menulis buku tentang Morsi apabila Morsi naik. Apakah dia berani menulis

tentang Morsi yang jatuh sekarang? Tidak. Kita sangat populis sebenarnya. Hanya inginkan berita-berita gembira, tetapi takut untuk menelan ubat pahitnya (kegagalan).

Seolah-olah, keadaan sudah kembali pulih dari segala kekacauan di Mesir dan di Syria. Kita sangat gemar sekali bisung-pung-pung-pung-pung-pung ketika keadaan begitu kacau sekali, seolah-olah sumber maklumat yang kita ada itu sangat sah sekali.

Mereka bisung-bisung begini untuk apakah sebenarnya? Menghantar ATM? Menghantar laskar jihad? Menghantar FPI? Tidak sama sekali. Mereka cuma bisung untuk mereka dipilih, untuk mereka diberikan perhatian, tetapi bila keadaan dah mereda, tiada siapa pula yang ingin menyiasat apakah yang berlaku di sana sebenarnya.

Perhatikan ya, ketika waktu yang tengah kacau, apakah yang akan berlaku pada gerakan-gerakan yang menyibuk tadi, yang bukan boleh hantar apa-apa aksi militer pun. Mereka akan melobi pengaruh, anti Semit, menunjukkan Islam adalah penyelesaian, Sekular adalah perosak dan sebagainya.

Semua ini adalah politik, untuk merebut pengaruh, untuk mencari market di kalangan massa. PAS, ISMA, Hizbut Tahrir, sebut apa sahaja nama gerakan (dalam kes ini, gerakan Islam) semuanya sedang bersaing untuk berebut audien dan penyokong masing-masing. Tetapi mereka tidak ada niat nak memastikan betul-betul, apakah yang sedang berlaku. Menghantar skuad yang tinggal di sana berbulan-bulan untuk membuat kajian lebih detail apakah yang berlaku di sana. Tidak ada.

Nanti isu Palestin lagi, kemudian Rohingya semula. Kemudian Palestin semula. Kemudian Uighur pula. Umat Islam ini sememangnya apakah sebenarnya?

Kita telah menjadi bangsa yang kalah kerana telah lama tidak berfikir.

Benz Ali

Aku ke UNISEL untuk mendengar syarahan seorang profesor dari UM; profesor yang membentangkan idea ekonomi Islam.

Aku mempertikaikan 'Ekonomi Islam' ini.

Marx mengarang 'Das Capital' bukan syok-syok nak mengarang atau menulis sekadar untuk mendapatkan PHD Ekonomi.

Marx menulis kerana jiwa raganya dipenuhi dengan 'Spirit of Liberation', yakni semangat atau ruh untuk

Benz Ali

membebaskan.

Sementara itu profesor-profesor 'Ekonomi Islam' ini apakah tujuan mereka belajar 'Ekonomi Islam' ini?

Apakah mereka mempedulikan masalah kemiskinan rakyat?

Apakah 'Ekonomi Islam' mereka mampu menghentikan penderitaan orang-orang miskin?

Sekiranya orang tidak berminat untuk 'Ta'awanu 'alal Birr Wat Taqwa', apakah yang 'Ekonomi Islam' akan mengajukan? Berserah kepada takdir? Berharap Imam Mahdi datang di hadapan perusahaan kilang-kilang dan apa?

Hari cuti adalah hari untuk dinikmati.

Cuti sepatutnya tidak dipandang sebagai suatu perkara yang keji sekali. Tidak mesti orang yang bercuti lebih buruk prestasinya dari orang yang workaholic. Perkara ini sewajarnya tidak dipandang enteng.

Kebanyakan perusahaan di Malaysia tidak menggalakkan pekerja-pekerjanya berbincang akan hal ini. Bagi mereka, cuti ini seperti benda yang aib sahaja.

Sedangkan dengan cuti, kita boleh menyusun hari esok dengan lebih baik, boleh merehatkan diri setelah letih bekerja di hari-hari sebelum dan eloklah sangat pada setiap musim perayaan, kita meraikan dengan percutian. Janganlah terlalu menjadi hamba kepada pekerjaan, sampai lupa bahawa kita sebenarnya adalah manusia, bukan mesin.

Ustaz-ustaz pun eloklah kiranya bilamana setiap Awal Muharam berbicara tentang hal ini; Betapa kaum majikan memperhambakan manusia-manusia lain seperti manusia-manusia lain itu ialah mesin-mesin sahaja. Tidak berguna juga kamu sembahyang tungging terbalik tetapi tetap gigih memperhambakan manusia lain seperti mesin. Janganlah asyik-asyik mengulang retorika-retorika hijrah yang usang dan lapuk, seperti tiada kena mengena urusan Nabi SAW dahulu dengan urusan umat moden.

Kaum pekerja perlukan cuti juga. Apakah kamu merasakan tidak bersalah dengan menyisihkan mereka dalam perbicaraan kamu dan apakah kamu tidak berasa malu mengutip Zakat daripada mereka, sedangkan kamu tidak mahu berbicara tentang urusan mereka?

Kita tidak perlu sibuk-sibuk uruskan Tuhan. Tuhan tahulah, menguruskan dirinya sendiri.

Itu kataku kepada Arian, seorang lelaki yang datang menyapa di hadapan Masjid Negara.

Dia seperti bersetuju. Dia baru baca Ahmad Wahib.

Aku lebih ekstrim memprovok, "Bahkan jika Jesus atau Mahdi muncul satu hari nanti pun, aku akan menolak mereka, jika mereka tidak melawan kezaliman, melawan penindasan dan membiarkan kemiskinan. Ini

Benz Ali

Jesus apa lagu ni? Ini Imam Mahdi apa?"

"Sebenarnya agama ini bagaimana?" Tanya beliau, bersila duduk sepertiku. Kami seperti Siddharta dan muridnya.

"Sebenarnya kita adalah apa yang kita percaya. Agama ini tidak berguna langsung jika tidak mampu membereskan permasalahan umat manusia. Bagiku, nabi-nabi yang datang bersilih ganti mempunyai peran revolusioner organik, membawa misi suci iaitu Minaz Zulumati Ilaan Nuur, yakni, membebaskan manusia dari tirani penindasan, memberikan pencerahan dan menghalau kegelapan zulmat. Maka aku tidak akan percaya bahawa Jesus cuma akan datang cuma untuk membunuh babi-babi dan mematah-matahkan salib. Ini penafsiran yang sangat sectarian."

Begitulah kira-kira dialog 'buku kaki lima'.

Kadang - kadang kita membuli orang lain, tanpa kita sedari.

Kalau kita kaya, kita membuli miskin.

Kalau kita berilmu, kita membuli yang bodoh.

Kalau kita benar, kita membuli yang salah.

Kalau kita majoriti, kita membuli minoriti.

Kalau kita dominan, kita membuli non dominan.

Kalau kita menang, kita membuli yang kalah.

Kalau kita kuat, kita membuli yang lemah.

Kalau kita banyak, kita membuli sedikit.

Kalau kita bertuhan, kita membuli yang tidak bertuhan.

Kalau kita islam, kita membuli non islam.



Benz Ali

Kalau kita mak ayah, kita membuli anak.
Kalau kita lelaki, kita membuli perempuan.
Kalau kita suami, kita membuli isteri.
Dan seterusnya, dan seterusnya...

Aku rasa sedih sangat bila aku terbuat.
Manusia tidak pernah nampak najis di mukanya.

Praktik keagamaan tidaklah selalu neutral. Cara kita beragama ketika kita berkuasa adalah akan sangat berbeza dengan pada saat kita sedang ditindas oleh penguasa. Hal ini akan berimplikasi pada bagaimana cara kita memandang agama dan menafsirkan ajarannya. Mengapakah agama di tangan para Nabi bisa berkembang organik bersama masyarakat untuk memecahkan persoalan manusia pada zamannya, sedang kini tidak lagi? Padahal manusia sekarang juga melakukan ritual agama yang sama?

Di sisi yang lain, masalah sosial moden saat ini

Benz Ali

lebih banyak dihasilkan oleh praktik dan logika Kapitalisme, bukan kerana ketidaktaatan kepada Tuhan. Berbondong-bondong orang telah datang ke masjid untuk solat dan jutaan orang telah pergi naik haji, tetapi apakah yang telah berlaku?

Tiada apa-apa yang telah berlaku, kerana ritual mereka adalah ritual tanpa makna, ritual yang tidak mampu menyebabkan mereka beraksi.

Ketaatan pada Tuhan seharusnya berimplikasi kepada pemecahan masalah kemanusiaan. Agama sewajibnya mampu dijadikan praksis social untuk mengatasi masalah manusia. Teologi yang selama ini hanya berbincang-bincang sama ada Tuhan itu bersemayam di atas Arasy, Tuhan itu di mana-mana harus dipatahkan, dan dikembalikan ke tempat asalnya agama itu, dengan kata lain, apakah fungsinya agama itu? Hanya berbicara hubungan individual manusia dengan Tuhan atau apa?

Berapa ramaikah yang mampu bertahan dengan idealisme yang mereka junjung selama ini di universiti?

Benarlah bila aku peratikan kawan-kawan Islamis haraki aku, mendapati mereka yang aktif semasa di kampus, akibat tidak mempunyai 'kejelasan fikrah sebenar' terhadap permasalahan umat manusia di muka bumi; menyebabkan mereka sudah lagi 'fudur' satu persatu di medan jihad yang mereka melaung-laungkan suatu masa dahulu.

Cuba kau semak 'amir-amir' dan 'amirah-amirah' kau

Benz Ali

suatu masa dahulu, di manakah mereka sekarang?

Terdahulu, akibat tidak mempunyai 'kejelasan fikrah sebenar' terhadap masalah umat manusia yang menyebabkan mereka gugur menjadi 'al - mutasakituna Fi Toriqud Dakwah'.

Pertamanya, mereka terpaksa memikirkan perihal pekerjaan; apakah mereka akan bekerja selepas graduan. Keduanya, perkahwinan; cukupkah duit mereka untuk berkahwin. Ketiganya, kereta; kenderaan apakah yang mereka akan gunakan seharian. Keempatnya, rumah; di mana mereka akan bersekedudukan dengan pasangan kelamin mereka. Dan paling fundamental, mereka terpaksa berfikir, bagaimana hendak menyuap mulut pasangan mereka, kemudian zuriat yang terlahir hasil dari pasangan mereka, apabila bertambah lagi zuriat, sudah ada tiga mulut yang perlu disuap, empat mulut lagi yang perlu disuap dan seterusnya dan seterusnya...

Ini mengakibatkan, Islam yang mereka mendengungkan, mati, sebaik sahaja mereka berangkat di hari graduasi.

Ini persoalan paling serius sebenarnya, kerana jika

basic needs kamu sendiri pun tidak mampu dipenuhi dan masih kelam kabut, bagaimanakah kamu mahu bersuara tentang basic needs orang lain yang lebih tertindas pemikirannya, yang tidak masuk universiti, yang miskin, yang merana, yang sengsara?

Akhirnya jadilah, gerakan mahasiswa Islam cuma berkokok dan terus berkokok, pada setiap kelahiran kader baru, permasalahan sentiasa menimbun, derita umat manusia yang semakin meruntun hati, tidak pernah mampu dipecahkan oleh gerakan mahasiswa Islam yang dangkal sekali pemikiran mereka.

Benz Ali

Alangkah bagusnya jika mana-mana aliran kritis (tak kira Kanan atau Kiri) menganjurkan 'summer camp' mereka untuk budak-budak Tingkatan 5 - 6 (pasca SPM/STPM) membumikan pemikiran-pemikiran kritis sepanjang sebulan lebih ini, di mana-mana.

Amatlah sayang sama sekali apabila budak-budak muda ini ditipu hidup-hidup, diperdayakan usia muda mereka oleh 'abang-abang dan minah-minah usrah' di kampus-kampus dan aparat universiti atau segala dogma tidak berguna tentang kepalsuan penjelasan sebenar tentang kehidupan.

Benz Ali

Alangkah, berfaedah jika cuti sebulan dua ini dimanfaatkan sesungguhnya untuk budak-budak muda menyelami aliran kritis.

Alangkah ruginya jika mereka ini masuk ke kampus kelak atau terus bekerja, mereka masih meneruskan kitaran kebodohan.

Aku Anti PMI, Anti Gamis dan Anti Universiti. Bagi aku, semua ini tidak berguna.

40 tahun hidup korang akan rugi jika terlibat dengan gerakan mahasiswa yang tidak berguna ini. Korang akan menyesal sebaik sahaja korang beranak (perempuan) dan menyara anak (lelaki).

TEORI BIJI SAWI

Aku pun tidak tahu, mengapakah orang Melayu dahulu ketika menterjemahkan Mithqal Zarah (sebesar zarah) dengan mengatakan sebesar biji sawi, Dr. Alinor barangkali lebih mengetahui.

Aku menguruskan Dana Institut Memali, menggunakan akaun Maybank aku, dengan erti kata lain, kadangkadangkang orang memasukkan duit untuk Institut Memali ke dalam akaun aku juga selain akaun pengurus, Alynn.

Benz Ali

Aku banyak berfikir tentang perkara ini. Kadang-kadang bercampur baur. Kami belum mampu lagi untuk membuat satu akaun khas dan kami berhasrat untuk ada pengauditan juga.

Kalau ikut teori orang agama, PAS terutamanya, mereka mengatakan semuanya adalah Infaq. Apa-apa sahaja yang orang amanahkan kepada mereka, semuanya akan berada di dalam kocek/poket mereka, kerana jihad kata mereka, fi sabilillah.

Aku tidak tahu. Tetapi Mithqal Zarah disebut banyak kali, berulang kali di dalam Quran, kitab suci orang Islam, betapa sebesar zarah sekalipun semuanya berada di dalam pengetahuan tuhan. Tolaklah ketepi sebentar sama ada itu adalah jenayah melibatkan Hudud ataupun tidak dikenakan Hudud, ini adalah persoalan etika.

Seperti semalam, kereta yang kami sewa, rosak di highway. Bateri kong. Kata tuan punya kereta sewa, keretanya baru sahaja keluar dari bengkel, macam mana boleh rosak? Kata kawanku, Mizie, macam mana boleh rosak kalau baru keluar dari bengkel? Apakah tuan punya kereta tidak semak dulu kereta atau orang-orang di bengkel yang tidak amanah dalam pembaikan

kereta?

Persoalan etika lebih halus dari sekitar halal haram. Untuk menjadi seorang yang beretika, beramanah, kita tidak perlu menjadi seorang Islam pun. Kadang-kadang, akibat keterikatan dengan persoalan tetek bengek halal - haram Feqah, menyebabkan etika dilanggar begitu sahaja; kata mereka, ini tidak haram, ini halal.

Ulamak-ulamak kahwin ramai-ramai tidak mengapa, ada nas dari agama. Berkereta mewah tidak mengapa, tidur di Hotel Concorde pun tidak mengapa, selagi tidak ada nas yang mengharamkan.

Kita harus sentiasa menghalusi apa-apa sahaja perbuatan kita dan persoalan ini lebih fundamental untuk menjadi seorang manusia dari persoalan halal haram.

Jika Islam sekadar menitikberatkan halal haram dan mengabaikan esensi etika, Islam itu kosong, kering, gersang dan sedikit pun tidak berguna.

Benz Ali

Pelajaran Tauhid - agama kita bermula dengan keimanan. Menyebabkan proses pendoktrinan mudah berlangsung. Menyebabkan proses pendogmaan mudah meracun pemikiran. Kita menjadi manusia tanpa soal, menjadi manusia tanpa ragu, hilang daya bertanya, hanya mahu menerima dan patuh pada arahan, hilang daya kritik dan hilang rasa untuk mencabar sesuatu pernyataan yang selama ini menjadi akidah status quo.

Kita memulakan kepercayaan pada Quran dengan beriman. Bukannya dengan menyangkal, keimanan kita



Benz Ali

menjadi keimanan yang plastik, yang tidak teruji, yang menjadi lemah apabila mahu diasah oleh orang-orang yang tidak percaya dan tidak beriman (disbeliever).

Sepatutnya, adalah “bertanya dahulu atau menerima dahulu?”

“Menyiasat dahulu keimanan, menyiasat dahulu ketuhanan” atau beriman tanpa soal?

Argh!



KERAJINAN MAMPU MENGATASI KESARJANAAN

Dalam Naruto, watak yang paling aku kagumi adalah Rock Lee. Dia sangat rajin, seperti Naruto, kerana dia tahu, dia tiada keupayaan yang lain, maka hanya yang cuma tinggal adalah kerajinan.

Aku bertemu dengan seorang 'Academican' di Masjid India. Dalam isu copleft, aku bertekak dengan dia sejam lebih. Dia tidak bersetuju dengan argument copleft aku, antara lain dia mengatakan, bahawa aku

Benz Ali

tidak layak berada di dalam dunia pemikiran, aku kena dapat Diploma dulu, kena dapat Degree dulu, kena dapat Master dulu, barulah aku layak untuk bercakap tentang semua ini.

Di akhirnya, aku membalas, "Bolehkah tuan menulis tentang 'Anti-copyleft?' Saya mahu membacanya. Jika tuan bukan salah seorang dari nazi-nazi Melayu itu, maka selaku Academican, sepatutnya tuan membalas saya dengan artikel 'Anti-copyleft'. Saya memang mahu membacanya."

Aku beritahu Sang 'Academican' itu lagi, "Saya akan berhenti buat copyleft semua ini, jika tuan berjaya patah-patahkan argumen copyleft saya."

Dia tidak mahu menulis kerana dia menganggap aku adalah nyamuk.

Aku rasa bosan dengan kualiti keserjanaan di Malaysia, mereka seperti Agamawan juga, sangat pemalas tetapi ingin dihormati. Ada kawan-kawan aku pula, pantang ditegur sedikit, pantang dikritik, sudah tidak mahu balas SMS. Come onlah kawan.

Kualiti keserjanaan harus dipertajam, harus diperdalam,

harus diperinci dan harus dihalusi. Apakah kita cuma mahu menghasilkan skrol-skrol yang sampah dan tidak berguna?

Aku sudah hilang percaya kepada universiti. Universiti adalah sebuah tong sampah dan tempat cari makan kepada lalat-lalat yang ingin mencari kerja. Cuma segelintir sahaja yang terselamat dan segelintir (ghuraba'/non komformis) itu pula hari demi hari makin berkurang.

Jika kau rajin, kau mampu mengatasi orang-orang yang berada di dalam universiti.

'Kerajinan boleh memecahkan kebodohan.'

'Kerajinan boleh mengatasi kesarjanaan.'

Benz Ali

Hoi pemerintah!

Kami melantikmu sebagai wakil kami!

Bukan wakil untuk membaham hak-hak kami!

Kamilah yang menggerakkan negeri ini sebenarnya!

Bukan kamu yang berada di dalam pentas monyet!

Yang berada di bilik sejuk dan mengoyak kertas macam monyet!

Kamilah yang mengumpulkan harta-harta untuk negeri ini!

Tetapi kamulah yang menghabiskan segala harta kami!

Hoi pemerintah!



Benz Ali

Aku sangat geram sekali!
Rakyat semakin lama semakin nazak!
Tetapi mereka telah hilang daya fikrahnya!
Untuk mempersoalkan kamu!
Mereka memilihmu kerana mereka percaya pada
kamu!

85

Baru sampai rumah. Dah dua hari berkelana jauh. Dari Gombak ke Kajang, dari Kajang ke Petaling Jaya. Benar-benar nak memanfaatkan masa muda. Malu jadi orang muda jika malas. Kau hanya memberatkan Planet Bumi dengan menjadi malas dan kau memang tidak berguna jika kau malas. Ramai orang tertindas di Planet Bumi dan kau masih boleh bermalas-malasan?

Di Masjid Negara, aku disergah kerana jual buku di atas lantai (sebenarnya berlapis kain). Kata aparat RM5, "Kita kena hormat buku ini dik, jangan letak buku di bawah."

Benz Ali

Bagiku, kau penyembah pada kulit, terlalu menjaga kehormatan kulit, bukan memikirkan apakah yang tengah dilakukan. Inilah masalah mentaliti Melayu.

Di Masjid India, sejam dua selepas itu, seorang pakcik 'che-ngey' (garang) menjual mesin jahit kecil (rupanya seperti stapler). Pakcik ini bermuka garang dan aku tidak suka dia kerana muka dia buat aku tension. DBKL datang, serbu, sergah dan merampas semua barang dagangan pakcik 'che-ngey' itu. Mesin jahit kecil itu ada yang terlepas, ada yang terpijak dek but DBKL.

Aku tergamam.

Pecahlah periuk nasi orang tua itu. Aku terpandang kedua mata orang tua yang 'che-ngey' itu. Aku terkedu. Aku malu.

Jikalau ada masa, cubalah masuk ke dalam perpustakaan-perpustakaan universiti. Kau akan kecewa sepertimana aku merasa kecewa.

Maka aku mula memikirkan konsep universiti baru (yang sebenarnya telah pun wujud), iaitu sebuah tempat, di mana, kita boleh berdiskusi apa-apa sahaja, belajar apa sahaja dan membaca apa-apa sahaja.

(Assignment bagi aku adalah sebuah pelepasan pensyarah ke atas anak-anak yang disyarahnya supaya tidak mempersoalkan keilmiahannya.)

Benz Ali

Bayangkan setiap pagi kita di 'konsep universiti baru' ini, adalah membaca buku demi buku sampai ke petang - diselangi menulis satu ke dua jam - malamnya pula adalah kegiatan diskusi sampai awal pagi (1 pagi minima).

Hari ini di dalam kelas, pensyarah-pensyarah buat apa?

Siapa je yang masuk ke dalam perpustakaan?

Memang kita benar-benar telah menjadi modal insan, yang belajar 'pandai-pandai' untuk menjadi kaki dan tangan kepada pemodal-pemodal di luar. Kita tiada masa untuk berfikir. Sebab itu, buku yang berlambak di dalam perpustakaan adalah tidak berguna, jika kau sendiri tidak ada masa untuk membaca, jika pensyarah-pensyarah sendiri tidak jelas fikrah keilmuannya.

Jika pensyarah sendiri pun malas membaca buku, anak murid apatah lagi?

Maka sebab itu, mereka melonggokkan kepada kita sekian banyak assignment tetapi tidak melorongkan kita untuk menghabiskan seberapa banyak yang mungkin buku-buku yang berada di dalam perpustakaan.

'Buku-buku yang banyak di dalam perpustakaan itu adalah tidak berguna, jika tidak ada sesiapa yang nak mengusiknya.'

Benz Ali

Kumpulan Islamis sangat ketagihkan kuasa.

Dengan kuasa, mereka boleh bertindak, menguasai orang - orang lain, menghukum orang-orang yang berbeza dan menguasai sumber ekonomi. Kerana itulah, melainkan Jamaah Tabligh, kesemua gerakan Islamis baik yang berada di luar lingkaran kekuasaan buat masa ini (seperti ISMA, PEMBINA, HT, IKRAM) atau berada pada kekuasaan separuh-separuh (seperti PAS) atau yang berada di dalam lingkaran kekuasaan (ILMU, JAKIM, Pusat Zakat, Mufti dan segala aparat keagamaan seperti JAIS) berlumba-lumba merebut kekuasaan dan



Benz Ali

sedaya upaya menggunakan segala nas yang ada dari segala macam sumber untuk mempertahankan kekuasaan dan mengabsahkan pergerakan mereka.

Masalah yang berlaku, dari segi idea, mereka hampir tidak ada ada dan mereka benar-benar berharap dengan kekuasaan untuk mendominasi orang-orang yang tidak berkuasa. Jadi tidak peliklah mereka suka menyekat itu menyekat ini, kerana mereka adalah gerakan yang loser dan tidak ada kekuatan berhujah.

Berdoa mati setiap hari, apakah bagus? Hidup seperti tidak berguna, tidak mampu berbuat apa-apa. Banyak persoalan melingkar di kepala, kenapa aku masih hidup setiap hari? Dan kenapa aku mesti dibangkitkan kembali? Aku tidak minta pun lahir ke dunia ini, kenapa?

Kenapa aku tidak meminta lahir pun ke dunia ini dan bila aku tidak mahu beriman, aku akan dihantar ke neraka pula?

Ini apa semua ni?



Benz Ali

Sudahlah masalah-masalah di bumi, aku kena selesaikan, kemudian kalau aku tidak beriman, aku akan dihantar ke neraka?

Letihnya!

Dilahirkan, untuk dihantar ke neraka.

AL - FATIHAH

B*ismillahir rahmanir rahim.*

Dengan nama Tuhan, orang-orang tertindas seluruh dunia, dengarlah,

Alhamdulillahil rabbil 'alamin.

Segala puji dan puja kepada setiap jiwa-jiwa yang tega melawan penindasan,

Arrahmanir rahim.

Benz Ali

Tuhan yang mengasihi dan menyayangi kami seluruh jiwa tanpa beda warna kulit, paras rupa dan agama atau tanpa agama,

Malikiyaumid din.

Tuhan akan membalas kaum penindas, akan membebas, memberi belas kepada kaum tertindas,

Iyyaka na'budu wa iyyaka nastain.

Kepada Tuhan orang-orang tertindas sahajalah kami sembah, dan kami meminta pertolongan, (bukan pada Tuhan yang Maha Keras dan berpihak kepada Kelas Penindas),

Ihdinas sirathal mustaqim.

Ampunilah kami duhai Tuhan, kami beriman dengan perbuatan, dengan keadilan, menjadi bukti keimanan, melawan kezaliman menjadi perjuangan, keadilan adalah keimanan, kezaliman adalah kekafiran, wahai Tuhan, tunjukkanlah kami jalan keluar,

Sirathal lazina 'anamta alaihim.

Jalan nabi-nabi, sosok-sosok yang hidup matinya demi orang miskin, demi orang terbuang, demi orang-orang yang dipijak-pijak di kilang-kilang, demi orang-orang yang diperbudak seperti binatang,

Ghairil maghdubi 'alaihim.

Bukan jalan penindas,

Walad dhollin.

Atau jalan orang elit yang hidup matinya dalam middle class dan tidak pernah memikirkan kaum tertindas.

Benz Ali

Ada beberapa penambahan tentang Tuhan tak Tuhan, penting bertuhan atau tidak, kenapa kena bertuhan.

Ahmad Wahib juga menuliskan hal yang sama dan Tuhan berikan kita akal untuk menyangkalnya.

“Sungguh, tak penting kamu Atheis atau Islam. Itu semua tidak penting. Yang penting, apa kamu nak buat dengan Atheis kamu itu? Apa kamu nak buat dengan Islam kamu itu?”

Benz Ali

Ideologi kamu mesti berfungsi, theologi kamu mesti berfungsi. Kalau tidak berfungsi, matikan sahaja ideologi atau theologi itu.

Kerana itu aku sarankan kepada kawan-kawan Atheis, supaya menjadi Marxist, baru ideologi kamu ada kerja. Kerana itu aku sarankan kepada kawan-kawan Islamis, membaca Syari'ati dan pemikir Muslim militan/radikal lainnya, baru theologi kamu ada kerja.

Dan pada akhirnya, yang hidup akan pergi dan yang mati, akan mati.

Awie baru pulang hospital. Awie seorang Atheis, Agnostik dan aku tak peduli.

Doktor-doktor yang merawat Awie kebanyakannya bukan Islam. Terkedu memikirkan. Atheis - Agnostik, dirawat oleh bukan Islam.

Sementara yang Islam, mengatakan, bila Atheis dan bukan Islam mati, mereka akan masuk neraka.

Doktor-doktor ini bukan main susah belajar untuk merawat manusia, kemudian apabila mereka mati,





Benz Ali

mereka akan dihantar ke dalam neraka? Kegilaan apa ini?

Doktor-doktor ini tak pernah tanya agama apa budak yang dirawatnya, apakah kalau budak ini memang tebal dengan keagnostikannya, keatheisannya, maka budak ini akan ditinggalkan beku dan mati katak di dalam wad?

Apakah Tuhan hanya menyayangi orang beriman dan membenci yang tidak beriman?



Aku tak minat Khomeini dan aku berterus terang, walaupun aku jual buku Khomeini. Aku tak minat Syiah dan aku berterus terang, walaupun aku jual buku Syiah, kalau aku di Iran, mungkin aku akan menjadi Anti-Thesa kepada kerajaan Syiah Iran, mungkin aku akan Pro Sunnah, jika aku tinggal di Iran.

Apapun, tanpa berdolak dalik, Khomeini adalah 1000 kali lebih baik dan berguna dari 1000 ulamak-ulamak Sunnah di Tanah Melayu. Ulamak-ulamak Sunnah di Tanah Melayu ini adalah tidak berguna sama sekali dan hanya meneruskan status quo. Mereka tidak boleh

Benz Ali

menggerakkan apa-apa pun, melainkan menjadikan agama sebagai modal untuk mereka mencari makan. Adakah sesiapa ulamak yang kau lihat di Tanah Melayu ini sebanding dengan Khomeini?

Ulamak-ulamak Sunnah di Malaysia, cuma reti makan nasi arab lauk kambing, makan sampai perut boroi, pakai serban besar-besar, naik kereta besar, rumah besar, bini ramai, lepas tu dapat penyakit kencing manis, darah tinggi, lepas tu mati dan tak berguna langsung.

Aku tak suka Khomeini, akan tetapi jika dibandingkan dengan ulamak-ulamak Malaysia, aku rela menjadi pengikut paling setia Khomeini.

Menjadi seorang Islam begitu susah.

Tak cukup dengan kena bersunat, kena menghafal itu dan menghafal ini, kena belajar Arab baru kuat Islam. Lepas itu kena handal bertajwid pula.

Ada orang Cina pernah tanya aku, "Berapa lama kena belajar Islam untuk jadi orang islam?" Aku cakap, "Lamalah amoi. 3 tahun pun tak cukup, 10 tahun pun belum cukup. Lama. Sangat lama."

Tak cukup dengan pelajaran Islam yang sangat lama

Benz Ali

itu, selepas pandai belajar Islam, kamu kena pandai pula menyesatkan orang Islam yang lain. Jika tidak, Islam kamu cacu merba, Islam kamu tak jelas fikrah.

Kamu kena kenal pula siapa Syiah, siapa Sunnah, siapa Liberal, siapa itu, siapa ini. Dalam Sunnah pula, ada banyak lagi pecah dan pecah, ada yang jenis kerasnya, ada yang jenis moderatnya. Kamu kena hafal banyak hadis untuk buktikan kebenaran kamu, dan mengalahkan lawan kamu, kerana hanya yang benar sahaja dapat masuk Syurga; yang salah, akan masuk dan dibakar dalam api Neraka hidup hidup. Maka bersainglah semua ini berlumba-lumba untuk memasukkan orang lain ke dalam Neraka.

Sila teruskan kebodohan ini. Aku antara produk yang terhasil akibat kemalangan agama ini. Lebih banyak kamu semua menyesatkan antara satu sama lain, adalah lebih berfaedah untuk agama kamu.

Orang itu sampai menangis-nangis mencari Tuhan dan kau orang senang-senang sesatkan dia.

“Tak berminat nak mendominasi sesiapa pun, tetapi orang-orang beragama (terutama Islam) perlu beringat; sebaik sahaja kamu berkempen secara besar-besaran mengatakan bahawa kamu adalah “the best”, ada ramai lagi orang tengah develop kepercayaan/pemikiran mereka, untuk mengatasi kamu.”

Dan disebabkan ada watak-watak macam inilah, keimanan orang-orang beriman telah disergah, telah

Benz Ali

digugah, menyebabkan orang-orang beriman terpaksa membuka semula dan menelaah naskhah-naskhah suci mereka.

Kalau dunia tidak ada 'Iblis', orang-orang beriman, tiada motivasi nak beriman, selain vagina bidadari.

Ketika anjing menyalak-nyalak kepada kita, biarkan sahaja. Kerana anjing, kerjanya hanya menyalak-nyalak sahaja. Anjing tidak akan bertukar menjadi kita jika dengan hanya menyalak-nyalak dan kita pun tidak akan bertukar menjadi anjing bila disalak-salak oleh anjing.

Terus berkarya dan berkarya, memberikan sesuatu kepada umat manusia dan biarkan anjing menjadi anjing, dan biarkan anjing menyalak-nyalak, kerana itu sememangnya pekerjaan anjing. Anjing tidak akan menulis dan hanya kau, yang akan menulis.

Benz Ali

Aku agak kecewa juga. Bila reaksi orang beragama, mengetahui 'Si Fasik' itu, 'Si Fasik' ini, 'Si Zindik' itu, 'Si Zindik' ini, 'Si Mulhid' itu, 'Si Mulhid' ini, 'Si Kafir' itu, 'Si Kafir' ini mengalami suatu musibah/kemalangan/kecederaan/kesakitan, maka terlintaslh dalam otak sempit mereka bahawa musibah itu berlaku disebabkan banyak dosa.

Ini gila apa ni, siapa yang ajar?

Sekian punya banyak orang di Eropah itu hidup sihat walafiat, ada yang tak ditimpa musibah, ada yang

Benz Ali

ditimpa musibah, nak kira bagaimana?

Kalau nak kata 'Addunya Sijnul Mukmin Wa Jannatul Kafir (dunia ni, penjara mukmin dan syurga orang kafir), habis hangpa nak kira macam mana orang-orang 'kafir' yang menjadi pelarian dari Vietnam dan Burma? Ni, yang kena seksa hidup-hidup dalam penjara Korea Utara tu orang Islam kah?

Berentilah jadi poyo dan perasan hangpa ni special sangat umat Islam oi!

Pesanan ikhlas dari bekas pesakit denggi yang tak percaya pada dogma.

BAYANGKAN - DARI JOHN LENON

Bayangkan jikalau tiadanya syurga,
Ia mudah jikalau kau cuba,
Tiada neraka di bawah,
Dan atas kita cuma langit,
Bayangkan semua manusia,
Hidup hanya untuk hari ini...

Bayangkan jikalau tiada wujud negara,
Ia tidak sukar pun,

Benz Ali

Tiada alasan untuk membunuh atau mati,
Tiadanya agama juga,
Bayangkan jikalau semua manusia,
Hidup aman...

Engkau mungkin akan memanggilku pengkhayal,
Tapi aku tidak sendirian,
Harapnya, engkau akan sertai kami nanti,
Dan dunia, akan menjadi satu.

Bayangkan dunia tanpa milik siapa siapa,
Bolehkah kau lihat?
Tiada tamak, tiada lapar,
Satu persaudaraan antara manusia,
Berkongsi dunia segala..

Engkau mungkin akan memanggilku pengkhayal,
Tapi aku tidak sendirian,
Harapnya, engkau akan sertai kami nanti,
Dan dunia, akan menjadi satu...

Aku dari awal lagi tak pernah percaya kepada muluk-muluk kata motivator. Kerana antara kami ada permusuhan besar. Aku self motivated. Sementara kaum motivator, memotivasikan orang lain dengan menjual air liur.

Sebab itu aku tak terasa dah dengan orang-orang seperti Muhaya dan siapa-siapa sahaja penjual air liur. Dengan agamawan-agamawan pun aku lawan, motivator, lagilah.

Padan muka.

Benz Ali

Mereka tidak tahu apa-apa, tidak pernah mahu tahu apa-apa, hanya menjual muka, hanya menjual air liur dan kamu percaya pada mereka sebab rupa mereka manis, cakap-cakap mereka sopan dan santun dan tidak mencarut?

Go fuck yourself.

Nilai apakah yang dikata mulai sekarang, bukan mengukur siapakah yang berkata.

Mereka melekatkan sesuatu yang irasional kepada kita. Seperti teori ulat dalam batu. Sebenarnya, sekiranya benar (dan tak perlu ulat dalam batu pun, kucing tepi rumah kita pun boleh hidup tanpa perlu pergi ke sekolah dan masuk universiti) sekalipun, itu adalah irasional. Seperti epal dengan durian jika nak bandingkan antara jangka hayat ulat dengan jangka hayat manusia.

Letakkan ke tepi sebentar segala-gala yang tidak rasional (irasional). Berfikir sebentar.



Benz Ali

Masalah ekonomi adalah masalah yang real.

Sekiranya mahu dipakai segala-gala yang tidak rasional, maka ketika kamu sakit, silalah pergi ke masjid. Sekiranya kamu nak terberak, silalah pergi ke sekolah. Sekiranya kamu mahu belajar sesuatu, sila masuk ke tandas.

Lihat. Fikir. Kepercayaan adalah cinta. Tak perlukan logik. Tapi kehidupan sosial, kamu tak boleh melarikan diri dari logik.

Berfikir, berfikir dan terus berfikir.



ANTITHESIS

PENAFIAN

DuBook Press tidak bertanggungjawab di atas setiap pandangan dan pendapat yang diutarakan di dalam buku ANTITHESIS ini. Ia adalah pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya menggambarkan pandangan dan pendirian kami.